


Jilid III
Bil. 59



Hari Rabu
8hb Disember, 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli — Kebenaran

Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau) [Ruangan 11133]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11133]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

**Pelajar Malaysia di Kasturba Medical College, Manipal, Karnataka, India
Kehilangan Tempat**

— Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 11166]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 11170]**

KANDUNGAN—(samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38, B. 39, B. 40 dan B. 41 [Ruangan 11170]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1994:

Jawatankuasa—

Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39, dan P. 40 [Ruangan 11170]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1997

PNMB

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU
HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K.,
K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR. V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S.; A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., F.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

Yang Berhormat TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha : Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 8hb. Disember, 1993

Mesyuarat di mulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI —
KEBENARAN

Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan
(Keningau)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb. April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2), Perlembagaan Persekutuan, kepada Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ahli Parlimen bagi Kawasan Keningau dari 6hb. Disember hingga 23hb. Disember tahun ini.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Philip Yong Chiew Lip.

(Soalan No. 1 — Y.B. Tuan Philip Yong Chiew Lip tidak hadir)

JEMAAH HAJI MENGHADAPI
MASALAH — LANGKAH
MENGATASI

2. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan Jemaah Haji di musim-musim lepas tidak berulang lagi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah-langkah telah dan sedang diambil oleh Tabung Haji bagi mengurangkan masalah berkaitan dengan urusan haji kepada tahap minimum. Langkah-langkah tersebut, di antara lain ialah:

- (i) mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dan merancang strategi-strategi baru untuk mengatasinya melalui mesyuarat post-mortem haji sebaik sahaja selesai operasi haji;
- (ii) memperkenalkan sistem pendaftaran haji secara terbuka selama tiga tahun iaitu 1414H, 1415H dan 1416H;
- (iii) menampal poster mengenai aturcara pendaftaran haji di masjid-masjid, surau dan pejabat-pejabat kerajaan di seluruh negara, di samping melalui media massa;

- (iv) melengkapkan pengetahuan dan kemahiran operasi haji kepada Ketua-ketua Eksekutif dan petugas-petugas syarikat swasta yang mengendalikan jemaah haji melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh Tabung Haji;
- (v) memperketatkan syarat-syarat dan peraturan ke atas syarikat-syarikat swasta yang menguruskan jemaah haji, bagi menentukan tahap perkhidmatan yang baik;
- (vi) menghadkan bilangan syarikat swasta yang mengendalikan haji kepada mereka yang hanya tidak menimbulkan masalah sahaja;
- (vii) memaklumkan kepada bakal-bakal haji melalui poster dan pengumuman dalam media massa mengenai syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Tabung Haji untuk pilihan bakal-bakal haji yang memerlukan perkhidmatan mereka;
- (viii) memperbanyakkan lagi kursus-kursus bersiri di masjid-masjid negeri dan daerah;
- (ix) mengadakan perbincangan dan dialog berkaitan dengan pengendalian haji dengan negara-negara lain, terutama negara-negara di rantau Asia Tenggara;
- (x) mengadakan Muzakarah Pengkursus-pengkursus Ibadat Haji Peringkat Kebangsaan dan Negeri; dan
- (xi) mengadakan Seminar Kesihatan Peringkat Kebangsaan.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengawasi agensi-agensi yang mengendalikan haji, saya dimaklumkan bahawa Tabung Haji juga mengawasi agensi-agensi yang mengendalikan umrah. Apakah latar belakang peristiwa yang berlaku baru-baru ini di mana dilaporkan 13 orang jemaah telah terkandas di Jeddah, malahan ditahan oleh pihak pengurusan hotel di Jeddah kononnya kerana agensi yang berkenaan tidak menjelaskan hutang mereka kepada hotel tersebut. Apakah tindakan yang diambil ke atas mana-mana pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pihak pengurusan syarikat ini tidak menjelaskan bayaran sewa hotel berkenaan, dengan sebab itu beberapa orang jemaah haji yang mengerjakan umrah ditahan oleh pihak hotel berkenaan. Saya difahamkan bahawa mereka yang ditahan ini berjaya menggunakan punca mereka sendiri mengumpulkan wang dan membayar baki yang seharusnya dibayar oleh pihak swasta yang berkenaan. Pihak Tabung Haji akan mengkaji perkara ini. Jika sekiranya berlaku kelalaian ataupun kemungkinan urusan penipuan, maka pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membatalkan urusan penerusan syarikat ini daripada membawa jemaah haji ataupun mereka yang hendak melakukan umrah di Mekah.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengemukakan masalah penempatan bakal-bakal haji di Mekah yang mana saya difahamkan bahawa sebahagian daripada penempatannya terletak terlalu jauh. Saya juga difahamkan bahawa ini ada hubungkaitnya dengan harga dan juga deposit

yang mana Tabung Haji tidak mahu membuat 'booking' secara lebih awal lagi dan juga ada hubungkaitnya dengan pegawai yang sudah pencen dan diambil alih untuk urusan ini.

Soalan saya yang kedua, bersabit dengan kerap kali berlaku kekeliruan dan kucar-kacir disebabkan satu kumpulan yang sentiasa membuat urusan haji ini tanpa melalui Tabung Haji dan mempunyai pendirian yang berlainan. Apakah tindakan terhadap kumpulan ini, tetapi kumpulan ini datang daripada satu kumpulan yang – susah hendak cakaplah – tetapi saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham. Apakah tindakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terhadap kumpulan ini, sebab degil sangat dan menyusahkan semua orang, tidak faham-faham, kemudahan yang diberi tidak mahu digunakan. Jadi, saya pohon penjelasan dan kalau boleh, nasihatkanlah kumpulan ini supaya jangan lagi merosakkan imej negara kita.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, seboleh-bolehnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mencari dan mengendali tempat-tempat penginapan yang paling hampir dengan Masjidil Haram dan juga Masjid Madinah. Tetapi dua tahun yang lalu kita dapati bahawa masalah kuota yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi yang memberikan kita 18,000 orang jemaah yang boleh dihantar ke Mekah. Dengan sebab itu, Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dapat hendak membuat tempahan awal kerana kita tidak dapat pengesahan jumlah sebenar yang akan dibenarkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Jadi, apabila kita mendapat kelulusan terakhir jumlah yang kita boleh pergi 32,000 pada tahun lalu menyebabkan baki 18,000 terpaksa diletakkan lebih jauh kerana kita membuat tempahan memang lewat pada ketika itu. Tetapi,

insya-Allah, kalau sekiranya Kerajaan Arab Saudi membenarkan orang yang berdaftar kesemuanya pergi ke Mekah, memang Tabung Haji akan mengambil tindakan untuk mendapatkan tempat-tempat yang berdekatan dengan Masjidil Haram dan juga Masjid Madinah bagi kemudahan bakal-bakal haji kita, insya-Allah.

Yang keduanya, memang betul bahawa kumpulan ini, terus-terang saya katakan, dipelopori oleh Parti Islam Se-Malaysia – parti PAS ini. Dia yang banyak menggalakkan orang-orang PAS pergi ke Mekah dengan pilihan sendiri, tidak mahu melalui Tabung Haji. Dan apabila timbul masalah, Kerajaan yang kena marah. Tabung Haji yang dipersalahkan. Jadi, saya hendak menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari PAS dan seluruh rakyat Islam di Malaysia ini supaya dapat mematuhi apa yang diberikan oleh Tabung Haji dan silalah berdaftar dengan Tabung Haji, insya-Allah, kita akan memberikan perkhidmatan yang secemerlang mungkin bagi faedah bakal-bakal haji kita.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat menyebut tadi bahawa kalau ada penganjur yang didapati tidak dapat menjaga kepentingan jemaah-jemaah haji yang dianjurkan akan diambil tindakan. Saya ingin tahu setakat sekarang berapa banyakkah penganjur-penganjur yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan khasnya pihak Tabung Haji?

Soalan yang kedua ialah saya mendapat maklumat bahawa dalam urusan menunaikan haji ke Mekah ini, visa tidak akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi kepada mereka

yang ingin mengerjakan haji kecuali melalui Tabung Haji. Tetapi saya juga mendapat maklumat ada pihak yang berjaya mendapat visa untuk menunaikan haji apabila sampai musim haji tanpa melalui Tabung Haji. Sejauh manakah kenyataan ini benar?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang tindakan penganjur yang telah pun ditamatkan. Saya tidak dapat memberikan jawapan ini kerana tidak ada maklumat. Insya-Allah, saya akan berikan kepada Yang Berhormat. Tetapi sukalah saya menjelaskan bahawa pada musim haji tahun 1414 Hijrah ini, hanya 19 buah syarikat sahaja di seluruh Malaysia yang dibenarkan berbanding dengan berpuluh syarikat dahulunya yang dibenarkan mengendalikan jemaah haji, tetapi sekarang hanya tinggal 19 buah syarikat sahaja yang telah pun menunjukkan kecemerlangan mereka dalam pengendalian jemaah haji ini. Jadi, dalam 19 ini pun kalau sekiranya mereka tidak menunjukkan kecekapan mereka dalam mengendalikan jemaah haji, maka Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengeluarkan nama syarikat ini dari senarai pembawa jemaah haji.

Soalan yang kedua, tentang visa ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada sebahagian kecil daripada rakyat Malaysia ini yang sengaja tidak mahu mengikut peraturan. Ada yang pergi ke Thailand untuk mendapatkan visa. Ada yang pergi ke Indonesia hendak mendapatkan visa. Jadi ini, yang menyebabkan sebahagian daripada mereka – memang ada misalnya orang Kelantan, orang Kedah yang naik keretapi ke Bangkok. Dapatkan visa di Bangkok, terbang ke Jeddah. Negeri kita ada kemudahan lebih baik – dia tidak mahu. Ini orang PASlah begini, Tuan Yang di-Pertua.

PEPERIKSAAN “PMR” — KELAYAKAN NAIK KE TINGKATAN 4

3. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapakah pada permulaannya, Kementerian mengeluarkan kenyataan bahawa tiada “gagal” dalam peperiksaan PMR dan kemudian menyatakan bahawa hanya 80% murid PMR tahun 1993 akan memasuki Tingkatan 4 pada tahun 1994;
- (b) adakah beliau sedar bahawa kenyataan ini menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar, guru dan ibu bapa. Ini kerana masih ramai yang berpendapat bahawa pelajar-pelajar PMR akan terus memasuki Tingkatan 4; dan
- (c) adakah menghadkan hanya 80% pelajar Tingkatan 3 memasuki Tingkatan 4 sudah menampakkan kegagalan Kementerian Pendidikan melaksanakan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada asasnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sudah menjadi lumrah dalam sesuatu peperiksaan akan terdapat juga pelajar-pelajar yang gagal iaitu mereka yang tidak dapat mencapai tahap yang dikehendaki. Seperti juga tahun-tahun sudah, kemasukan pelajar ke Tingkatan 4 adalah berasaskan kepada pencapaian tertentu dalam PMR. Bagi Tahun 1993/1994, selaras dengan pendemokrasian pendidikan, iaitu usaha untuk meluaskan lagi peluang pendidikan kepada pelajar, semua calon sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan yang menduduki

peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun 1993, jika mencapai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum, iaitu pencapaian peringkat "D" dalam mana-mana 7 mata pelajaran, adalah layak naik ke Tingkatan 4 pada sesi persekolahan 1993/1994.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kekurangan guru sebanyak 8,000 orang di sekolah menengah dan 22,000 orang guru di sekolah rendah adalah merupakan punca kegagalan PMR sebanyak 18.8% pada tahun ini?

Soalan kedua, kegagalan bagi SRP tahun 1992 sebanyak 92,894 calon dan kegagalan PMR bagi tahun ini ialah 90,710 orang, yang mana keseluruhan jumlahnya 183,604 pelajar yang gagal dalam peperiksaan SRP dan PMR pada tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat apa soalnya?

Tuan Lau Dak Kee: Soalan saya ialah berapa ramai pelajar-pelajar yang gagal tersebut ini dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka? Dan berapa ramai pula yang terpaksa meninggalkan sekolah? Apakah pandangan untuk mengatasinya daripada sudut Kementerian Pendidikan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang disebut oleh Yang Berhormat itu, saya tidak dapat faham angka-angka itu dari mana. Tetapi cara Yang Berhormat tadi membaca saya tidak faham juga. Tetapi sebenarnya sebutan bahawa kekurangan guru ini tidaklah menyebabkan berlakunya kegagalan sepertimana yang saya katakan tadi dalam jawapan saya. Yang sebenarnya pelajar-pelajar yang telah dapat

peluang untuk naik ke Tingkatan 4 adalah bertambah pada tahun ini sehingga lebih dari 83% naik ke Tingkatan 4 – itu dari segi peratusannya. Kita juga telah memberi tahap yang menguasai asas iaitu 7 mata pelajaran yang layak untuk masuk ke Tingkatan 4 dan yang lainnya diberi peluang untuk mengulang di Tingkatan 3 untuk tujuan memperkuatkan lagi atau mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah ditunjuk dalam penilaian tahun ini. Kini kita adalah dalam proses untuk mengendalikannya pengambilan beberapa pelajar untuk mengulang di Tingkatan 3. Yang lain itu, yang tidak mendapat peluang untuk mengulang semula di Tingkatan 3, mereka akan diberi peluang untuk masuk ke kursus kemahiran.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan dengan "gagal" dalam peperiksaan PMR ini. Adakah "gagal" ini mereka tidak boleh memasuki peperiksaan SPM apabila sampai masa nanti? Atau pun "gagal" ini semata-mata mereka tidak layak untuk memasuki Tingkatan 4 sekolah menengah kerajaan sahaja? Kalau "gagal" itu dimaksudkan bahawa mereka tidak mendapat tempat di Tingkatan 4 sekolah menengah kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan semula satu sistem yang telah diamalkan pada tahun 60-an dahulu, di mana pada tahun 60-an dahulu bahawa murid-murid daripada Darjah 6 buat pertama kalinya telah naik secara automatik ke Tingkatan 1?

Bagi mengatasi kekurangan guru pada masa itu dilaksanakan satu sistem latihan guru yang dinamakan Pusat Latihan Daerah. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem seperti itu untuk memberi tempat lebih banyak kepada pelajar-pelajar yang gagal untuk

mendapat tempat di sekolah menengah kerajaan untuk memberi peluang sama rata, kerana kalau gagal ini dimaksudkan mereka dapat memasuki peperiksaan SPM nanti. Ertinya mereka bukannya sebenar-benar gagal tetapi tidak mendapat tempat di sekolah menengah kerajaan sahaja.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi adalah gagal bukan dalam konsep yang telah ada wujud dalam soalan asal ini, tetapi gagal mencapai tahap yang minimum. PMR ini adalah suatu penilaian yang berasaskan kepada peperiksaan pusat dan juga ujian-ujian amali dan juga kursus di dalam sekolah dan penilaian yang melibatkan Lembaga Peperiksaan dan juga tenaga pengajar di sekolah kerajaan itu. Yang saya katakan tadi juga, bahawa yang telah dibenarkan terus ke Tingkatan 4 itu adalah mengikut tahap penguasaan yang asas untuk mereka melanjutkan pelajaran di Tingkatan 4 dalam sekolah kerajaan. Bagi yang kurang dalam pencapaian itu, mereka diberi setahun lagi untuk mengulangkan bagi mencapai tahap yang dapat menguasai untuk terus ke Tingkatan 4.

Ada juga peratusan yang kecil, mungkin tidak dapat langsung iaitu kita memberi peluang dalam sekolah vokasional untuk kursus setahun yang dibawah Majlis Kemahiran Latihan Vokasional Kebangsaan dan ini semuanya adalah di bawah kendalian Kerajaan dan menerusi Kementerian Pendidikan. Kemudahan-kemudahan ini boleh dikatakan memberi peluang seratus peratus untuk anak-anak kita mendapat pendidikan dan terus dengan aliran menuju ke arah kita mencapai pembangunan tenaga dan rakyat untuk kita mencapai Wawasan 2020 itu.

KOKO/LADA/GETAH — MENSTABILKAN HARGA

4. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan mengambil

langkah tertentu untuk menstabilkan harga koko, lada dan getah, selain daripada menarik balik cukai eksport memandangkan harga barangan tersebut di paras yang paling rendah sekali di negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah dijawab ketika saya memberi ulasan kepada pertanyaan yang sama oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang pada 20hb. Oktober, 1993 dalam persidangan Dewan ini dan saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana harga koko, lada dan getah ini adalah kurang, berapa banyakkah ladang-ladang koko, lada dan getah yang ada di negara kita pada masa ini? Adakah kerajaan bercadang untuk menggantikan penanaman koko dan getah dengan penanaman lain yang lebih mendatangkan manfaat kepada pengusahanya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mempunyai perangkaan yang tepat. Walau bagaimanapun, kita tidak mempunyai rancangan untuk menanam tanaman yang lain. Kita akan cuba untuk mempertingkatkan lagi prestasi getah dan juga lada dan di samping itu kita juga cuba mengeluarkan klon-klon yang baru dengan harapan pengeluaran getah dapat ditambahkan, begitu juga lada. Di samping pengeluaran bahan-bahan mentah, kita telah menggalakkan supaya pengeluaran industri hiliran hendaklah ditingkatkan.

Jadi, inilah harapan Kementerian saya supaya mereka yang terlibat dalam industri getah, akan dapat ditingkatkan harga bila pengeluaran dalaman dapat ditingkatkan menerusi industri hiliran.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya harga komoditi yang utama begitu rendah, saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang dan akan ambil untuk memperluaskan pasaran komoditi utama ini. Apakah langkah yang berkesan di mana pengeluar barangan ini di dalam pasaran dunia dapat mewujudkan satu suasana "to sellers' advantage", bukannya "to buyers' advantage". Suasana itu boleh diwujudkan atau tidak mengikut langkah-langkah Kerajaan?

Soalan kedua, saya dapat tahu bahawa Malaysia sedang mengimport sejumlah besar komoditi utama seperti koko, lada dan timah ke Malaysia dan apakah langkah-langkah ini dapat menstabilkan harga-harga komoditi ini di atas pengimportan barangan ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawab pada 20hb. Oktober yang lalu, harga komoditi adalah bergantung ke atas hukum pasaran iaitu permintaan dan penawaran. Kalau barang banyak, permintaan sedikit, maka harga akan jatuh. Kalau barang sedikit, orang yang minta banyak, maka harga akan naik. Itulah tabie ataupun keadaan yang berlaku di pasaran komoditi dan juga pasaran-pasaran barangan yang lain.

Jadi, tidak mungkin ada satu keadaan di mana pasaran mesti mengikut orang yang hendak menjual – tidak mungkin. Tidak akan berlaku dalam dunia ini perkara yang macam ini.

Tentang apa yang dikatakan, kita juga pernah mengimport dan mengeksport balik timah ataupun getah dari Vietnam dan sebagainya. Ini kita memandangkan

bahawa ada keuntungan sebab kita beli mutu getah dari Vietnam yang rendah dan kita proses, maka kita dapat jual dengan mutu getah yang agak lebih baik. Jadi perbezaan keuntungan itulah yang akan dapat menolong kita kerana kos mereka lebih rendah daripada apa yang kita lakukan di negara kita.

Tetapi walau bagaimanapun, masa depan getah saya rasa sungguh terjamin dengan penggunaan kita bagi mempergiatkan lagi kegiatan hiliran sebagaimana yang saya terangkan tadi.

NAFTA — KESAN PERDAGANGAN MALAYSIA

5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) untung rugi perdagangan Malaysia dengan terbentuknya NAFTA; dan
- (b) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi memastikan Malaysia tidak terjejas dengan pembentukan NAFTA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa pasaran negara-negara NAFTA adalah penting bagi Malaysia. Pada tahun 1992 sahaja, nilai eksport ke negara-negara berkenaan menyumbang 19% daripada jumlah eksport Malaysia. Begitu juga dengan nilai pelaburan daripada negara-negara berkenaan, khususnya pelaburan Amerika Syarikat dan Kanada yang masing-masing bernilai RM3.29 ribu juta dan RM22.3 juta pada tahun 1992.

Jika dilihat dari segi nilai pelaburan secara kumulatif pula, sejak tahun 1980 hingga bulan Ogos 1993, jumlah pelaburan dari Amerika Syarikat bernilai RM7.53 ribu juta, manakala jumlah pelaburan dari Kanada bernilai RM320.05 juta.

Penubuhan NAFTA sedikit-sebanyak melahirkan kekhuatiran pengalihan aliran perdagangan dan pelaburan yang boleh menjejaskan perdagangan dengan rakan-rakan perdagangan di luar kawasan perdagangan bebas NAFTA. Bagaimanapun, dalam keadaan yang dinamik, pertumbuhan ekonomi dan pasaran dijangka berlaku dengan wujudnya NAFTA. Pasaran NAFTA dengan sejumlah 370 juta penduduk dianggar menghasilkan perdagangan barangan dan perkhidmatan bernilai US\$6 trilion setiap tahun.

Hakikat ini dapat menyumbang ke arah perkembangan perdagangan dunia dan memberi peluang kepada negara membangun seperti Malaysia untuk meningkatkan jumlah eksport ke negara-negara berkenaan. Begitu juga dengan peluang-peluang pelaburan, dengan izin, reverse investment, khususnya di negara Mexico.

Pengusaha-pengusaha Malaysia boleh mengenal pasti beberapa bidang tertentu yang boleh diterokai di Mexico secara usahasama bagi mengukuhkan lagi kedudukan pasaran barangan eksport Malaysia di NAFTA. Apa yang jelas ialah barangan Malaysia akan bersaing dengan barangan buatan Mexico di pasaran Amerika Syarikat dan Kanada. Persaingan ini akan menjadi lebih hebat dan meluas apabila Mexico meningkatkan pengeluaran barangannya melalui pengaliran masuk pelaburan negara-negara rakan NAFTA ke Mexico dan penghapusan sekatan cukai terhadap eksport Mexico ke negara-negara berkenaan.

Jika diambil kira bahawa kebanyakan barangan buatan Malaysia ke pasaran-pasaran Amerika Syarikat dan Kanada sekarang ini diberi keistimewaan GSP iaitu tidak dikenakan cukai import, persaingan hanyalah tertumpu kepada barangan Malaysia yang tidak mendapat keistimewaan GSP dan dikenakan cukai import.

Namun demikian, perlu diingat bahawa keistimewaan GSP adalah suatu yang tidak akan berkekalan dan pengusaha serta pengeksporth tempatan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan dari segi kos pengeluaran. Dalam keadaan di mana keistimewaan GSP tidak diberi kepada Malaysia kelak, tarif import yang rendah di pasaran Amerika Syarikat dan Kanada iaitu dalam lingkungan 5% di jangka tidak memberi tekanan yang begitu besar.

Dalam hal ini, adalah penting pengusaha-pengusaha Malaysia meningkatkan daya-saing barangan keluaran masing-masing melalui peningkatan produktiviti, kualiti dan usaha pemasaran yang lebih gigih. Kerajaan yakin, jika pengusaha-pengusaha Malaysia peka kepada perubahan-perubahan yang perlu dibuat, maka barangan eksport Malaysia akan terus mampu bersaing dan terus mengukuhkan kedudukan di pasaran-pasaran NAFTA.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebutkan bahawa 19% daripada eksport Malaysia adalah kepada negara-negara NAFTA. Saya ingin tahu dari segi jumlah Ringgit Malaysia, berapa ribu juta ringgitkah 19% ini? Oleh sebab penubuhan NAFTA sedikit-sebanyak perdagangan Malaysia dengan negara-negara NAFTA adalah terjejas,

saya ingin tahu berapa ribu juta ringgitkah perdagangan Malaysia akan terjejas? Oleh sebab saya difahamkan, dari sumber industri, bahawa peng-eksportan Malaysia dalam bentuk barangan tekstil dan elektronik akan terjejas apabila NAFTA berkuatkuasa.

Soalan yang kedua, apakah langkah-langkah negara-negara ASEAN sebagai sebuah kumpulan di bawah AFTA dapat membuat satu 'link up' dengan NAFTA supaya mengelakkan sedikit-sebanyak penekanan NAFTA terhadap pengeksportan barang-barang daripada negara-negara ASEAN, termasuklah negara Malaysia?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah eksport lebih kurang 19% daripada negara-negara kita kepada Amerika Syarikat merangkumi lebih kurang RM20 billion eksport daripada negara kita.

Berhubung dengan tekstil dan elektronik seperti barang-barang yang dikatakan oleh Yang Berhormat akan terjejas, jika NAFTA ditubuhkan. Saya boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita berpendapat pada masa kini barang-barang eksport daripada negara kita kepada negara-negara NAFTA tidak akan begitu terjejas, oleh kerana sepertimana pengalaman, penarikan balik GSP oleh Amerika Syarikat telah menunjukkan kepada kita bahawa eksport seperti barang getah yang telah pun dikenakan penarikan balik GSP itu tidak terjejas. Oleh yang demikian, kita berharap apabila NAFTA ditubuhkan, taraf eksport akan ditarik balik tetapi eksport daripada negara kita tidak akan terjejas apabila ini berlaku pada tahun 1994.

Mengenai 'link up' antara negara-negara AFTA dan NAFTA, ini ialah satu cadangan yang baik, tetapi kita belum

tahu dengan jelasnya apa akan terjadi kepada NAFTA itu. Apabila NAFTA itu akan berkuatkuasa, saya rasa cadangan itu boleh diambil kira, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pihak Kerajaan Malaysia akan menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia yang telah pun menunjukkan kejayaan di dalam negara ini untuk mengembangkan perniagaan mereka ke Mexico sebagai satu cara untuk berusahasama dengan peniaga-peniaga Mexico di dalam "manufacturing industries" supaya produk atau keluaran mereka dapat menembusi pasaran Amerika Utara apabila NAFTA dilaksanakan kelak?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah menggalakkan pengusaha-pengusaha dan juga pengeksport-pengeksport di Malaysia kita untuk bekerjasama dengan pihak-pihak di negara Mexico untuk membuat kilang-kilang yang boleh menceburi pasaran Amerika Syarikat. Tetapi, apa yang kita dapat tahu pada masa kini ialah kos pekerja-pekerja di Mexico lebih kurang dua kali ganda jika dibandingkan dengan negara kita dan juga kadar inflasi lebih kurang 4 kali ganda jika dibandingkan dengan negara kita. Saya rasa inilah satu keadaan yang kita sedang mengkaji untuk mendapat tahu sebenarnya apakah kelebihan yang kita boleh perolehi jika dapat kerjasama dengan negara Mexico.

DASAR PBB — PENGARUH DARI KUASA-KUASA BESAR

6. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah dasar luar negara telah diubah bagi menyesuaikan dengan Orde Baru Dunia yang

memperlihatkan pembentukan kuasa unipolar dan keangkuhan kuasa-kuasa besar menggunakan pengaruh politik dan kekuatan persenjataan mereka mempermainkan negara-negara lemah; dan

- (b) adakah Kementerian beliau berpendapat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bebas dari pengaruh kuasa-kuasa besar di dalam menentukan dasar-dasar PBB serta cukup berwibawa menyelesaikan permasalahan dunia. Apakah Malaysia mendapati perlu perubahan-perubahan radikal kepada struktur kuasa PBB bagi menjaga kepentingan semua negara-negara anggota.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar luar yang pragmatik dan proaktif, sentiasa prihatin mengenai perkembangan dunia dalam bentuk rantau luar kita bagi menangani sebarang keadaan. Sepertimana yang telah dikemukakan dalam jawapan pada masa yang lampau, kita mengakui bahawa terdapat kuasa-kuasa besar yang cuba mempengaruhi dasar PBB, terutamanya yang dibuat melalui Majlis Keselamatan PBB. Dalam hubungan ini, Malaysia bukan sahaja telah menyuarakan perasaan ketidak-senangannya mengenai keadaan sedemikian, malahan telah menggesa supaya dirombakkan kepada struktur keahlian dan struktur kuasa badan PBB itu dibuat bagi menentukan PBB akan dapat bersikap adil dan saksama dalam keputusannya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah mengeratkan kerjasama di kalangan negara-negara Islam khasnya dan negara-negara NAM amnya dalam menghadapi kongkongan

apa yang dinamakan Orde Dunia Baru yang seringkali berlakunya 'double-standard', diskriminasi dan lain-lain lagi yang mempergunakan Bangsa-bangsa Bersatu.

Yang kedua, apakah suatu langkah telah diambil supaya menyelamatkan Bangsa-bangsa Bersatu supaya tidak menerima nasib yang dialami oleh liga bangsa-bangsa yang dimatikan selepas Perang Dunia? Adakah di dalam langkah yang diambil itu untuk memindahkan Bangsa-bangsa Bersatu daripada berpusatnya di Amerika Syarikat kepada sebuah negara yang lebih berkecuali?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, terpujalah kepada ahli-ahli OIC dan NAM untuk bekerjasama dan menentukan adanya perpaduan di kalangan ahli-ahli kedua-dua badan yang penting itu dalam sistem orde politik dunia. Malaysia seperti dikenali oleh umum, telah, sedang dan akan terus memainkan peranan yang penting bagi memastikan perpaduan tetap wujud di kalangan OIC dan NAM supaya kedua-dua badan ini akan dapat menjadi satu tekanan (pressure) untuk memastikan agar apa rupa bentuk Orde Dunia Baru kelak akan diwujudkan dan tidak merupakan satu orde yang hanya mementingkan pihak tertentu sahaja, malah akan lebih adil dan saksama agar negara-negara kecil dan miskin juga akan terjamin kepentingannya.

Tentang soalan yang kedua tadi, untuk menyelamatkan PBB daripada diperkotak-katik ataupun diperalatkan oleh kuasa-kuasa besar juga terpujalah kepada ahli-ahli anggota PBB itu sendiri agar prihatin tentang kita harus bertindak di atas pendirian dan pandangan kita sendiri dan tidak hanya bertindak di atas kehendak ataupun desakan setengah-setengah kuasa walaupun setengah-

setengah negara kecil itu terpaksa tunduk ataupun merujuk kepada negara tertentu untuk mendapatkan satu-satu perkara untuk mereka terus wujud dan bangun dari masa ke semasa. Saya kira apabila banyak negara lebih berdikari dari segi ekonomi dan politiknya, maka ketika itu PBB akan lebih adil dan saksama. Buat ketika ini, kita fikir tidak perlu menukarkan tempat letaknya PBB itu keluar daripada New York, Amerika Syarikat oleh kerana kita fikirkan keadaan kini tidak akan dapat kekal buat selama-lamanya. Kita yakin mereka akan membuat tekanan berterusan dari masa ke semasa. Insya-Allah, keadaan yang wujud kini akan dapat diubah kelak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Luar Negara kita dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah meletakkan negara kita begitu terkemuka di peringkat antarabangsa sehingga di akhir-akhir ini Malaysia disebut sebagai jurubicara kepada Dunia Ketiga, jurubicara kepada negara-negara Selatan, pembicara kepada negara-negara membangun dan yang paling mengka-gumkan ialah pemimpin kepada negara-negara Islam sedunia.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah kerana kejayaan Malaysia begitu rupa di peringkat antarabangsa menyebabkan kuasa-kuasa besar begitu cemas dan tidak senang dengan peranan negara kita sehingga menggunakan setengah-setengah negara lain seperti Australia baru-baru ini melalui Perdana Menteri-nya yang membuat kenyataan yang tidak senonoh dan yang tidak mencerminkan sebagai seorang Perdana Menteri. Ini menggambarkan keberkesanan dasar luar negara kita yang begitu cemerlang dalam membicarakan isu-isu antarabangsa.

Tetapi pada masa yang sama, ada segelintir pihak-pihak dalam negeri juga mempersoalkan bahawa peranan yang dimainkan oleh negara kita ini sebagai sebuah negara kecil, kata setengah-setengah golongan pengkritik ini, membahayakan masa depan negara sebab kita kecil, mereka ini besar. Jadi, kalau mereka melakukan sesuatu, ini boleh memberi kesan yang tidak baik kepada negara kita.

Soalan yang akhir, baru-baru ini Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton telah menyatakan harapannya untuk bertemu dengan Perdana Menteri kita. Apakah Presiden Amerika, Bill Clinton ini telah pun menyatakan melalui saluran diplomatik yang rasmi untuk menemui Perdana Menteri? Kalau ya, bilakah pertemuan ini akan diadakan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan kemungkinan ada negara-negara kuasa besar yang mungkin cuba menggunakan negara-negara yang lain untuk menunjukkan ketidaksenangan mereka terhadap Dasar Luar Negara kita, akhir-akhir ini di arena antarabangsa. Tetapi kita tidak boleh membuat tuduhan yang melulu tanpa bukti-bukti yang sah.

Dalam isu pemimpin kita dengan pemimpin Australia akhir-akhir ini dan dari segi pendirian pihak-pihak tertentu dalam negara kita, saya bersyukur dalam isu ini, kita nampak semua pihak termasuk parti Pembangkang sendiri pun, bersama dengan Kerajaan mengutuk sikap dan tindak-tanduk yang biadap yang ditunjukkan oleh pemimpin tertinggi Kerajaan Australia. Dalam pada itu, ini merupakan satu sejarah dalam dasar luar kita, yang mana satu pendirian yang

amat bulat telah dapat kita tunjukkan kepada dunia umumnya. Ini satu petanda yang baik dan saya kira pihak negara kita akan dapat terus meletakkan negara kita di tahap-tahap yang lebih cemerlang lagi di kalangan antarabangsa dari masa ke semasa.

Tentang hajat Presiden Bill Clinton untuk hendak berjumpa dengan Perdana Menteri kita, kini belum ada lagi mana-mana jemputan rasmi yang dibuat oleh beliau. Beliau hanya menyatakan bahawa beliau kini bersedia untuk berjumpa dengan Perdana Menteri kita. Ini merupakan satu penghormatan dan sikap yang kita anggap baik, yang mana Presiden Bill Clinton telah menunjukkan sikap bahawa beliau sanggup menjemput dan berjumpa dengan Perdana Menteri kita, walaupun Perdana Menteri tidak menghadiri jemputan beliau untuk hadir ke Sidang Puncak (Summit) di Seattle. Tetapi nampaknya beliau tidak melenting sangatlah seperti Perdana Menteri Australia, malah sanggup berjumpa dengan Perdana Menteri. Kita menganggap ini satu pendirian yang baik dan positif dan kita akan menyambutnya dengan cara positif juga, insya-Allah.

RUMAH KOS SEDERHANA — KAWALAN HARGA

7. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyekat pengambilan untung yang besar ke atas harga rumah termasuk rumah pangsa dan pangsapuri; dan
- (b) apakah cara kawalan yang dibuat untuk mencegah kenaikan kadar sewa rumah yang meningkat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengawal harga jualan rumah harga kos sederhana dan tinggi termasuk rumah pangsa dan pangsapuri kos sederhana dan tinggi. Kerajaan hanya menetapkan harga bagi rumah kos rendah sebagai satu langkah menolong golongan yang berpendapatan rendah. Selaras dengan amalan sistem ekonomi bebas di negara ini, harga jualan rumah-rumah kos sederhana dan tinggi adalah tertakluk kepada pasaran khususnya permintaan dan bckalan.
- (b) Buat masa sekarang, Kerajaan tidak mengawal kadar sewa rumah milikan persendirian dan swasta, melainkan rumah kedai yang dibina sebelum 1hb. Februari 1948. Bagi kategori ini, cara mengawalnya terdapat di dalam Akta Kawalan Sewa 1966. Bagi kategori lain, kadar sewa rumah adalah tertakluk kepada keadaan pasaran khususnya permintaan dan bckalan selaras dengan amalan sistem ekonomi bebas. Namun demikian, kadar sewa rumah awam yang disediakan oleh sektor awam biasanya lebih rendah daripada kadar sewa di pasaran terbuka sebagai satu bantuan kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa dalam keadaan biasa Kerajaan tidak mengenakan peraturan

undang-undang untuk menentukan kadar sewa bagi bangunan dan rumah-rumah kediaman. Pada masa yang sama terdapat satu Akta iaitu Akta Kawalan Sewa 1948 yang masih berkuatkuasa hingga sekarang, yang mengenakan peraturan tertentu, dilarang kenaikan sewa dan sebagainya terhadap premis-premis tertentu. Sebahagian dari premis ini terdapat dalam Bandaraya Kuala Lumpur sendiri, di kawasan-kawasan bandar. Bermakna sekarang ini wujud dua keadaan: satu, keadaan bangunan yang tidak dikawal sewanya dan satu lagi bangunan yang dikawal.

Pihak-pihak akademik dan Persatuan Pengguna telah banyak kali menyatakan kepada Kerajaan bahawa Akta Kawalan Sewa 1948 ini out-of-date, sudah berpuluh-puluh tahun lepas. Saya ingat semasa saya menuntut lagi telah dibuat memorandum supaya Akta Kawalan Sewa 1948 ini dihapuskan kerana ia menyekat perkembangan pembangunan ekonomi yang sihat.

Adakah Kerajaan berhasrat menimbang untuk menghapuskan Akta Kawalan Sewa 1948 yang nyata menyekat hak tuan rumah dan pembangunan ekonomi yang sihat dalam negara kita?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang menggubal satu Rang Undang-undang untuk Kerajaan menarik balik atau memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 ini. Pelaksanaannya kita harap akan diterima oleh setiap negeri di dalam Malaysia dan akan dapat kita laksanakan sebaik sahaja ianya mendapat kelulusan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya terbaca di dalam surat khabar bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

tidak akan meluluskan lagi permohonan-permohonan untuk pembinaan pangsapuri di sekitar Kuala Lumpur. Bukanlah sekatan ini akan lagi menyebabkan harga-harga pangsapuri dinaikkan berkali ganda?

Yang kedua, sila beritahu Dewan yang mulia ini apakah sebab DBKL membuat keputusan seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lebih arif tentang berapa banyak pangsapuri yang telah pun dibina di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dan berapa banyak lagi yang masih belum dijual, berdasarkan kepada angka-angka yang mereka lebih sedia maklum. Maka saya tidak hairanlah jika sckiranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membekukan pembinaan pangsapuri sehingga satu masa bila mana ianya perlu dibuka semula. Saya ingat itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

(Soalan No. 8 — Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

(Soalan No. 9 — Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir).

PELANCONG YANG DATANG KE SARAWAK — JUMLAH HASIL

10. **Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah pelancong yang datang ke Sarawak untuk tahun ini dan negara-negara dari mana

pelancong tersebut datang. Apakah hasil yang didapati oleh Kerajaan daripada industri pelancongan untuk tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Mei 1993, Sarawak telah menerima seramai 84,702 orang pelancong. Ini merupakan peningkatan sebanyak 7.5% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1992. Sepuluh pasaran utama ke Sarawak adalah:

- (1) Brunei Darussalam;
- (2) Singapura;
- (3) Eropah Barat;
- (4) U.K. dan Ireland;
- (5) Indonesia;
- (6) Australia;
- (7) New Zealand;
- (8) Amerika Syarikat;
- (9) Taiwan; dan
- (10) Filipina dan Jepun.

Pendapatan daripada industri pelancongan bagi tahun 1993 masih belum diketahui secara tepat. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1992 Malaysia telah menerima RM4.6 billion dari sektor pelancongan iaitu pertumbuhan sebanyak 7.3% jika dibandingkan dengan tahun 1991.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kekurangan kemudahan pengangkutan di antara Semenanjung ke Sarawak telah memberi kesan yang kurang baik kepada industri pelancongan di Sarawak?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui dalam mesyuarat kita di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, dari segi kemudahan pengangkutan sebenarnya tidak timbul. Yang timbul hanya pakej-pakej yang dibuat oleh pihak-pihak agensi tidak menyeluruh ke negeri Sarawak. Di samping itu, pihak Malaysia Airlines juga telah menambah penerbangan ke Sarawak. Jadi, pada masa ini daripada Semenanjung ke Sarawak tidaklah terdapat masalah pengangkutan udara, tetapi pengangkutan laut tidaklah dapat saya nyatakan di sini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bagi tahun 1994 iaitu Tahun Melawat Malaysia, dan dari kajian ataupun perangkaan pihak Kerajaan, apakah jangka peratusan akan meningkat dari segi pelancongan dan dari negara manakah kita menumpu perhatian pelancongan ini pada tahun hadapan? Apakah anggaran dari segi hasilnya atau dari segi peratusan angka, hasil akan meningkat dalam berapa peratusan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini lain sedikit – tadi ditanya bab negeri Sarawak – tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi jangkauan peratusan pertambahan pelancong ataupun matlamat kita bagi Tahun Melawat Malaysia 1994 ialah tambahan sebanyak 10% jika dibandingkan dengan tahun ini.

Bagi promosi atau penggalakan yang kita buat, seperti yang saya jawab dalam jawapan-jawapan yang lepas, iaitu kita mempunyai tiga jenis pasaran dalam strategi penggalakan, kita ada tiga jenis pasaran iaitu:

- (i) pasaran ke negara-negara utama;

- (ii) pasaran ke negara-negara skunder; dan
- (iii) pasaran negara-negara baru ataupun negara ketiga.

Jadi, di dalam pelaksanaan strategi kita, kita memberi penekanan berdasarkan kepada pasaran-pasaran yang saya sebutkan itu.

KES JENAYAH BERAT — JUMLAH RAKYAT ASING TERLIBAT

11. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan rakyat asing yang ditangkap kerana terlibat dalam kes jenayah berat, termasuk kes bunuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun, 1993, seramai 311 orang rakyat asing terlibat dalam kes jenayah berat, termasuk kes bunuh, iaitu 7.34% daripada keseluruhan kes yang berjumlah 4,236 kes.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim: Soalan tambahan. Sejak kebelakangan ini kejadian jenayah kes berat begitu berleluasa sekali. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan diambil bagi memastikan bahawa jenayah berat ini tidak berleluasa di masa-masa yang akan datang?

Soalan saya yang kedua, pendatang asing dari negeri manakah yang banyak terlibat dalam kes jenayah berat ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah dan sentiasa diambil oleh pihak pengkuatkuasa di negara ini terutamanya Pasukan Polis Diraja Malaysia, di mana langkah-langkah pen-

cegahan telah pun dilaksanakan seperti mengadakan siasatan dengan mendapatkan maklumat daripada mereka yang terlibat. Oleh kerana kes-kes yang melibatkan orang asing itu adalah kebanyakannya daripada Pendatang Tanpa Izin (PATI), Polis juga dengan cara risikan bertindak untuk mendapatkan maklumat terutamanya mengenai kumpulan-kumpulan yang sentiasa terlibat, seperti mereka yang selalu melibatkan diri dalam samun bersenjata api dan sebagainya.

Saya ingin membuat penjelasan di sini, walaupun kes-kes jenayah berat ini nampaknya tinggi dilakukan oleh Pendatang Tanpa Izin ataupun orang asing, sebenarnya kebanyakan kejadian ataupun jenayah yang dilakukan oleh mereka itu adalah dilakukan di kalangan mereka iaitu ada pembunuhan yang dilakukan antara Pendatang Tanpa Izin, PATI bunuh PATI – ini adalah bilangan yang besar dan rogol juga ada terjadi di antara mereka. (*Ketawa*) Jadi, itu sudah menambahkan statistik negara kita sehingga kita dapat satu gambaran seolah-olah negara kita ini mempunyai jenayah berat. Itu adalah satu gambaran yang saya kira perlu dibetulkan.

Selain daripada itu, langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan Pendatang Tanpa Izin ini daripada masuk secara haram ataupun tidak teratur juga dipertingkatkan dari masa ke semasa, dari segi rondaan dan juga mengadakan 'spot check' dan sebagainya kepada tempat-tempat yang didapati selalunya menyimpan pendatang tanpa izin ini.

Yang kedua, mereka yang terlibat dalam jenayah berat, daripada negeri luar ini kebanyakan adalah dari Indonesia dan Filipina, terutamanya di Sabah. Kedua-dua negara ini, oleh kerana mereka adalah dekat dengan kita, jiran yang dekat, jadi senang masuk ke negara kita. Itu sahajalah sejauh mana yang dapat saya terangkan.

PRESTASI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

12. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejak prestasi baik pertumbuhan ekonomi kita, nyatakan negara-negara besar yang kita telah berjaya menarik perhatian mereka untuk melabur dan mencari modal dan menyenaraikan syarikat mereka di BSKL.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, di antara negara asing yang telah membuat pelaburan yang besar di Malaysia, dalam bidang pembuatan semenjak 1987 ialah Taiwan, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat, Korea dan United Kingdom. Sebanyak 5,561 projek dari negara-negara berkenaan telah diluluskan oleh Kementerian ini bagi tempoh 1987 hingga September, 1993 dengan jumlah pelaburan sebanyak lebih kurang RM59 bilion. Sehingga kini terdapat sebanyak 34 buah syarikat yang majoriti ekuitinya dimiliki oleh pihak asing telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Di antara pemegang saham syarikat tersebut adalah terdiri dari pelabur-pelabur dari Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu senarai yang menunjukkan syarikat-syarikat ini, saya rasa senarai ini begitu panjang. Jika Yang Berhormat hendak maklumat yang lebih lanjut, saya boleh berikan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Soalan tambahan. Mengenai dengan penarikan pelabur asing ke negara kita, umum mengetahui bahawa negara kita dari segi kos kerja (labour cost), kos tenaga manusia dan kos-kos yang lain juga telah meningkat. Oleh

kerana kemasukan negara-negara lain untuk bersaing dengan kita bagi mendapatkan pelaburan seperti negara China sendiri, Combodia dan Vietnam, apakah pandangan Yang Berhormat tentang persaingan ini? Adakah ia memberi kesan yang negatif kepada kita atau menyebabkan jumlah pelaburan datang ke negara kita menurun? Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah langkah yang kita ambil untuk menarik kembali pelabur-pelabur ini datang ke negara kita disebabkan persaingan yang kita hadapi dengan negara-negara yang saya sebut tadi? Terima kasih.

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pun menyedari akan satu penurunan pelaburan asing daripada luar negeri yang berjaya di negara kita dalam tempoh 1992 hingga 1993. Tetapi mereka ini sedang menuju kepada negara China dan Vietnam dan pada pendapat saya ini bukanlah satu masalah yang besar yang harus kita hadapi pada masa kini, oleh kerana negara kita masih mempunyai beberapa kelebihan seperti pekerja-pekerja yang mudah untuk dilatih, pekerja-pekerja yang fasih di dalam perkara-perkara teknikal, bahasa dan sebagainya. Saya rasa kita akan mendapat satu pengalaman daripada pengusaha-pengusaha dan juga pelabur-pelabur dari luar negeri. Dengan pengalaman yang mereka akan memperolehi di negara China dan Vietnam seperti kesusahan dan sebagainya yang akan mereka hadapi, saya rasa mereka akan balik ke negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pengalaman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di MITI, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada syarikat-syarikat asing yang menanam modal dalam negara ini membuat perniagaan di sini berterusan ataupun hanya menjalankan

kegiatan mereka buat sementara waktu menunggu ada peluang atau tawaran yang lebih baik daripada negara-negara jiran? Kalau ada, bolehkah Yang Berhormat terangkan berapakah jumlah syarikat yang telah beroperasi di sini tetapi telah pindah dan beroperasi pula di luar negeri dalam tempoh 10 tahun yang lepas dan dari segi jumlah modalnya, berapa banyakkah 'outflow of foreign capital' ini yang telah berhijrah daripada negeri ini kepada negeri lain? Seperti yang dinyatakan tadi, 'inflow of foreign capital' dengan izin, berjumlah RM59 bilion dalam tempoh yang telah dinyatakan. Berapakah pula jumlah 'outflow of foreign capital' dalam tempoh yang dinyatakan itu?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengusaha-pengusaha dan juga syarikat-syarikat asing yang telah pun melabur di dalam negara kita amat berpuashati dengan keadaan di dalam negara kita dan sampai masa kini tidak ada mana-mana syarikat yang berhijrah ke luar negeri. Kita berpendapat bahawa masa akan datang pun kita tidak akan menghadapi masalah seperti ini oleh kerana mereka amat berpuashati dengan keadaan dan kedudukan pelaburan dan sebagainya. Hanya apa yang kita telah mengalami ialah satu kekurangan pelaburan dari luar negeri. Ini bukan bermakna ada penghijrahan pelaburan daripada negara kita dan hingga masa kini tidak ada satu-satu syarikat atau mana-mana syarikat yang telah berhijrah ke lain negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 9 dan 13 hingga 21 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PELAJAR MALAYSIA DI
KASTURBA MEDICAL COLLEGE,
MANIPAL, KARNATAKA,
INDIA — KEHILANGAN TEMPAT

3.35 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu masalah lebih daripada 100 pelajar Malaysia yang tidak menentu-arah ekoran kehilangan tempat di Kasturba Medical College, Manipal, Karnataka, India dan usul saya berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) Majlis Mesyuarat ini, mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah lebih daripada 100 pelajar Malaysia yang tidak menentu-arah ekoran kehilangan tempat yang telah diperuntukkan kepada mereka di Kasturba Medical College, Manipal Karnataka, India kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak segerakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima aduan daripada ibu bapa di seluruh negara yang menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti

Kursus Perubatan dan Pergigian di Kasturba Medical College (KMC) yang diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia. Pelajar-pelajar tersebut yang berjaya memperolehi tempat di KMC adalah di antara pelajar terbaik. Tambahan pula, mereka telah membayar, dengan izin, 'capitation fees' di antara US\$15,000 ke US\$50,000. Sungguhpun mereka telah berjaya memperolehi tempat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KMC dan Kerajaan India, mereka dilucutkan tempat secara mendadak dan tiba-tiba ekoran keputusan Mahkamah Agung India melarang KMC menerima pelajar asing.

Apa yang tidak adil ialah pelajar-pelajar tersebut dinafikan tempat di KMC sekarang sungguhpun mereka sudah diterima masuk. Sikap seperti 'buruk siku' ini menimbulkan kemarahan dan ketidakpuasan hati para ibu bapa yang terbabit, lebih-lebih lagi memandangkan pelajar-pelajar tersebut telah bertungkus-lumus bertahun-tahun di situ. Maka ada pelajar Malaysia yang ternanti-nanti di India sejak Julai tahun ini, iaitu masa kursus tersebut sepatutnya dimulakan. Kini pelajar-pelajar tersebut dalam keadaan tidak menentu-arah dan menghadapi tekanan emosi yang amat mendesak.

Isu sama ada 'capitation fees' yang dibayar akan dikembalikan, sungguhpun penting, bukanlah perkara pokok sekarang. Isu yang penting ialah membolehkan pelajar-pelajar tersebut yang berjaya meneruskan Kursus Perubatan dan Pergigian di India yang diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia. Adalah sungguh dikesali bahawa pihak Kementerian Pendidikan dan

Kementerian Luar Negeri Malaysia gagal dan tidak berusaha langsung membela serta menyuarakan masalah atau membantu pelajar-pelajar Malaysia yang kini tersangkut dengan pihak berkenaan di India. Sikap inilah yang sungguh mendukacitakan, seakan-akan pelajar-pelajar persendirian Malaysia di luar negara yang menghadapi masalah bukanlah rakyat Malaysia kerana mereka tidak ditaja oleh Kerajaan Malaysia.

Justeru itu, adalah diharapkan pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Luar Negeri dapat bertindak bagi pihak pelajar-pelajar tersebut agar masalah mereka dapat diatasi atau sekurang-kurangnya menggunakan jasa baik meminta Kerajaan India mencari satu penyelesaian yang memuaskan. Adalah perlu bagi pihak Kementerian yang berkenaan menggunakan peluang semasa menemani Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke Sidang G15 di New Delhi untuk menyampaikan masalah pelajar-pelajar tersebut kepada pihak Kerajaan India yang berkenaan". Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka pagi tadi. Teks usul itu adalah sepertimana yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibang-

kitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi ia tidak perlu disegerakan. Pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana dari maklumat yang diperolehi, Kementerian Pendidikan sebenarnya tidak menghantar pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke India.

Pelajar-pelajar yang terlibat kebanyakannya adalah pelajar-pelajar per-sendirian.

Oleh kerana Mahkamah Tinggi India memutuskan untuk tidak membenarkan pelajar-pelajar luar negara termasuk dari Malaysia mengikuti kursus perubatan di kolej tersebut, maka arahan ini terpaksa juga dipatuhi oleh Kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri serta kolej-kolej perubatan yang terlibat sedang berusaha membuat rayuan untuk menempatkan pelajar-pelajar tersebut ke kolej-kolej cawangan atau di kolej-kolej perubatan yang lain.

Oleh kerana tindakan sedang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan, maka adalah lebih bijak dan wajar untuk membiarkan kesatuan-kesatuan yang terlibat bertindak untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Dan saya percaya tidak perlulah Dewan ini ditangguhkan semata-mata untuk membahas Usul ini.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; dan akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan Usul Anggaran Pembangunan 1994" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kesebelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38, B. 39,
B. 40 dan B. 41 (Jadual) —*

*Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39 dan
P. 40 (Anggaran Pembangunan, 1994) —*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong diminta sambung. Ahli Yang Berhormat diingatkan ada masa sebelas minit lagi.

3.43 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Semalam saya telah merujuk kepada Butiran 020300 muka surat 212 – Rawatan dan Pemulihan Dadah sejumlah RM39,950,800 di bawah KDN.

Saya juga merujuk kepada Butiran 030200 muka surat 215 – Anti Dadah sejumlah RM33,413,000 di bawah Polis Diraja Malaysia.

Dan Butiran 030300 muka surat 231 – Rawatan/Pemulihan dan Anti Dadah/AIDS sebanyak RM2,633,600 di bawah Jabatan Penjara.

Tuan Pengerusi, jumlah peruntukan keseluruhan mengenai usaha-usaha memerangi ancaman najis dadah di bawah KDN serta usaha-usaha memerangi virus HIV dan AIDS adalah sejumlah RM75,997,400. Jumlah ini adalah tidak termasuk peruntukan di bawah Kementerian Kesihatan dan lain-lainnya. Bagaimanapun, jumlah ini adalah peruntukan yang besar dan inilah bukti bahawa Kerajaan memang serius di dalam kerja-kerja membendung ancaman najis dadah, virus HIV dan penyakit AIDS.

Tuan Pengerusi, menurut statistik mutakhir dan rasmi daripada KDN kini terdapat seramai 172,064 penagih dadah yang dikenal pasti di seluruh negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu melancarkan Kempen Anti Dadah peringkat kebangsaan pada 19 Februari 1983 pernah menyatakan bahawa di sebalik setiap penagih dadah yang didaftarkan atau dikenal pasti, terdapat sekurang-kurangnya tujuh orang lagi yang tidak didaftarkan.

World Health Organisation (WHO) juga mempercayai hakikat ini. Jadi, jika ini boleh dijadikan asas perbincangan, Malaysia kini mempunyai seramai 1,204,440 orang penagih dadah yang belum didaftarkan. Jika jumlah ini dicampurkan dengan jumlah yang rasmi dan telah pun diketahui, maka Malaysia hari ini mempunyai seramai 1,376,512 orang penagih dadah. Jumlah ini adalah besar dan pastinya membimbangkan kita semua.

Tuan Pengerusi, jumlah ini juga boleh mengancam keselamatan negara dan juga mengancam kesejahteraan ummah kerana penagihan najis dadah adalah punca paling utama kepada wujudnya pembawa virus HIV dan juga wujudnya penghidap AIDS di Malaysia pada hari ini.

Statistik Kementerian Kesihatan pula menyatakan bahawa 90% daripada 7,002 orang pembawa virus HIV yang dikesan di Malaysia pada akhir November 1993 adalah penagih dadah. Pembawa virus HIV ini juga semakin bertambah pada setiap bulan. Statistik membuktikan bahawa pada bulan September 1993, terdapat seramai 6,588 orang pembawa virus HIV. Pada akhir bulan Oktober pula, terdapat seramai 6,793 orang pembawa virus HIV. Ini membuktikan pertambahan seramai 205 orang pembawa virus HIV pada bulan Oktober.

Pada bulan November 1993 pula terdapat seramai 7,002 orang pembawa virus HIV. Ini membuktikan pertambahan 209 orang pembawa virus HIV pada bulan Oktober.

Jika angka pertambahan ini tidak berubah iaitu pada purata 200 orang pembawa virus HIV yang baru dikesan pada setiap bulan, bermakna setiap tahun terdapat seramai 2,400 pembawa virus HIV di negara ini. Oleh itu, mulai tahun 1994 hingga ke tahun 2020 umpamanya, selama 26 tahun lagi, kita mungkin akan

berhadapan dengan kewujudan 62,400 pembawa virus HIV di seluruh negara. Angka seperti ini juga pastinya harus membimbangkan kita semua, khusus sekali apabila Kerajaan sekarang sedang berusaha meningkatkan kemakmuran ekonomi dan juga meningkatkan kesejahteraan rakyat jelata pada tahun 2020.

Tuan Pengerusi, oleh itu, selaras dengan tahun AIDS yang bertemakan "Masa untuk Bertindak", Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri, mestilah memberi dimensi keselamatan kepada usaha mencegah perebakan pembawa virus HIV dan juga kepada usaha membanteras ataupun mencegah pertambahan penghidap AIDS di Malaysia pada hari ini.

Masalah perebakan virus HIV dan AIDS ini mestilah ditangani oleh satu pasukan petugas khas, sama seperti pasukan petugas khas yang memerangi ancaman najis dadah. Semua wakil agensi serta Kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Agama Islam dan lain-lain agensi yang difikirkan relevan, mestilah disatukan di bawah pasukan petugas khas memerangi perebakan virus HIV dan penyakit AIDS.

Undang-undang seperti Kanun Jenayah yang membabitkan kesalahan pelacuran mestilah dipinda supaya pelacuran menjadi satu jenayah berat dan diberi hukuman yang setimpal beratnya. Ini penting kerana pelacur wanita dan pelacur 'pondan' ataupun 'gay' juga merupakan punca penting yang merebaknya virus HIV dan penyakit AIDS. Mereka yang bertanggungjawab dengan perniagaan maksiat ini hendaklah di

hantar ke Pulau Jerejak di bawah 'POPO' ataupun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, penagih dadah yang belum dikenal pasti dan tidak menyerah diri untuk pemulihan ataupun pemeriksaan virus HIV atau penyakit AIDS, hendaklah dikenakan tindakan undang-undang supaya mereka menyerah diri secara sukarela untuk pemeriksaan dan tindakan yang berkaitan. Jika keluarga atau ibu bapa mereka yang menghalang penagih dari menyerah diri, maka anggota keluarga itulah yang harus dikenakan tindakan undang-undang.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, mungkin Akta Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 perlu dikaji dan dipinda supaya penagih yang belum dikenal pasti dan belum lagi menyerah diri mestilah dipaksa menyerah diri kepada pihak berkuasa. Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 juga perlu dikaji untuk mengenal pasti supaya perjalanannya dan penguatkuasaannya sekarang ini didapati benar-benar berkesan untuk membanteras tindakan memproses ataupun menyeludup dadah di dalam negara ini sekarang.

Tuan Pengerusi, usaha menghancurkan sarang pelacur, sarang penagih dadah, sarang pondan dan juga kelab-kelab 'gay', seperti Blue Boy Club yang didapati di Kuala Lumpur mestilah ditumpaskan dan dijalankan pada setiap masa. Diharapkan pihak-pihak Majlis Tempatan juga harus tidak mengeluarkan lesen kepada kewujudan klab-kelab 'gay' seperti ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya usaha mencegah kemasukan pelacur asing juga diperketatkan oleh pihak Imigresen. Sementara itu, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan juga pihak Pendaftar Perkahwinan perlulah memikirkan sama ada

sudahkah sampai masanya kini untuk Kerajaan mengenakan syarat supaya setiap pasangan yang akan berkahwin perlu menjalani pemeriksaan perubatan untuk menentukan mereka adalah bebas dari penyakit-penyakit berjangkit khususnya, pembawa virus HIV dan juga AIDS.

Tuan Pengerusi, Jabatan Penjara mestilah dikehendaki untuk bertindak tegas memerangi penyeludupan dadah yang dilakukan di kalangan pegawai-pegawai ataupun warder-warder Jabatan Penjara itu sendiri. Perkara ini sering dilaporkan dan sering diketahui oleh pihak umum. Pada waktu yang sama, Jabatan Penjara juga hendaklah berusaha bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa setiap banduan laki-laki dan juga setiap mereka yang sedang menjalani rawatan pemulihan di Pusat Serenti adalah dikesan supaya mereka ini didapati sama ada bebas atau tidak daripada jangkitan virus HIV ataupun menghidap AIDS. Juga perlu dikesan ialah sama ada banduan-banduan ataupun mereka yang menjalani pemulihan yang telah dikenal pasti sebagai pembawa virus HIV atau penghidap AIDS itu sudah beristeri ataupun beranak-pinak. Ini untuk memastikan supaya isteri-isteri kepada mereka yang dikenali sebagai pembawa virus HIV ataupun penghidap AIDS itu juga mesti dikesan dan dipastikan jumlahnya dan anak-anak mereka juga harus dikesan. Oleh kerana kalau perkara ini tidak diketahui, akan menyebabkan perebakan virus HIV ataupun penyakit AIDS tanpa diketahui ataupun dapat dikesan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, kegiatan kempen pencegahan tentang virus HIV dan penyakit AIDS di sekolah-sekolah, di kalangan belia, pekerja-pekerja kilang dan masyarakat umum hendaklah di-

pergiatkan oleh pihak Kementerian melalui pengawasan pasukan petugas khas yang saya cadangkan. Segala aktiviti-aktiviti seperti ini yang dijalankan oleh badan sukarela, kerana pada hari ini saya dapat tahu banyak badan-badan sukarela yang menjalankan kempen-kempen pencerangan mengenai virus HIV ataupun AIDS yang tidak diselaraskan. Oleh itu, badan-badan sukarela ataupun NGOs ini juga perlu diselaraskan kegiatannya oleh pihak pasukan petugas khas mengenai HIV dan juga AIDS.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana saya tidak mahu Malaysia yang sedang mengejar era kecemerlangan mempunyai satu hari nanti satu generasi muda yang rosak ataupun bobrok. Kita perlu sentiasa waspada dan bertindak dengan ikhlas dan keras. WHO pernah meramalkan bahawa pada tahun 2000, iaitu kira-kira enam tahun lagi, dunia akan mempunyai seramai 25 juta pembawa virus HIV. Malaysia tidak harus terjebak dengan pertambahan seperti ini. Kita mahu Malaysia yang bebas dari seluruh penyakit yang membunuh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mas.

3.55 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya (Bukit Mas): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 218, Maksud Pembangunan 36 di atas Butiran 00200, iaitu Balai-balai dan Pondok Polis.

Tuan Pengerusi, untuk tahun 1994 ada sejumlah anggaran RM20 juta yang diperuntukkan khas untuk balai-balai dan pondok-pondok polis. Saya ingin

menyentuh sedikit mengenai perkara ini oleh kerana saya mewakili kawasan Bukit Mas yang berjiran dengan beberapa negara seperti negara Brunei Darussalam, Kalimantan Timur iaitu bahagian Indonesia dan juga negeri Sabah. Sekiranya kita mengambilkira Wilayah Persekutuan Labuan, ia juga bersempadan dengan Bukit Mas. Oleh kerana itu, saya ingin supaya Kementerian memberi perhatian, kali ini betul-betul serius, tentang perkara ini, iaitu pertama sekali di sempadan negeri Sarawak dengan Sabah, iaitu di Merapok ataupun Sindumin di sebelah Sabah.

Saya memohon supaya pondok-pondok polis yang sesuai dapat didirikan dan juga kemudahan-kemudahan untuk pasukan polis supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan memuaskan dan supaya kita juga dapat memberi sedikit dorongan kepada mereka. Oleh kerana di kawasan sempadan Sarawak dengan Sabah, iaitu di Merapok sebelah Sarawak, Sindumin sebelah Sabah, mungkin di dalam 24 jam banyak orang yang masuk keluar antara Sabah dan Sarawak. Saya berharap sebelum pilihan-raya Parlimen, iaitu mungkin tahun yang akan datang, Kementerian betul-betul prihatin terhadap perkara ini.

Oleh kerana banyak orang asing yang datang melalui sempadan Merapok dan Sindumin, sukar sekali kita mengawal, kerana keadaan di sana – minta maaf, Tuan Pengerusi dan Kementerian, kalau saya sebut macam mana pun susah juga, kerana kita orang Kerajaan, tetapi betul-betul tidak ada pondok sekarang dan dengan izin, macam 'stall' sahaja. Saya selalu mengikut sempadan ini ke kawasan saya untuk mengkaji dengan teliti. Saya berharap, Kementerian dapat memberi peruntukan khas untuk kawasan Merapok dibangunkan supaya ada bangunan balai polis dan pondok polis khas di tepi jalan raya bersempadan

dengan Sabah. Saya berharap, kita betul boleh kawal kemasukan orang asing ke negeri Sarawak.

Juga di sempadan Indonesia dengan kawasan Bukit Mas, di Bakelalan, saya pernah beberapa kali melawat kawasan sana, walaupun orang yang menduduki kawasan bersempadan dengan Sarawak dan Indonesia berketurunan sama bangsa dengan saya sendiri. Saya berharap, kita dapat mendirikan satu pondok polis yang sesuai. Pondok yang ada sekarang macam, dengan izin Tuan Pengerusi, it is like a scout camp. Oleh kerana itu, waktu saya melawat ke kawasan sempadan di Bakelalan, saya pun merasa berterima kasih kepada pasukan tentera oleh kerana mereka sanggup berjuang. Walaupun kemudahan tidak begitu baik dan memuaskan, tetapi oleh kerana mementingkan keamanan dan mereka menjalankan tugas dengan begitu serius. Kemudahan pondok polis langsung tidak ada, tetapi mereka masih tekun menjalankan tugas. Kita perlu mengawalkan keadaan di sempadan-sempadan yang saya sebutkan ini, walaupun sekarang kita bersyukur oleh kerana keadaan negara Malaysia sama negara Indonesia dan Filipina sekarang senang dan bagus. Tetapi pada satu masa nanti, kalau keamanan digugat, maka susahlah untuk kita. Di waktu peperangan 1962, kawasan sayalah yang hebat sekali, dengan izin, dengan Brunei rebellion.

Oleh kerana di kawasan sempadan tidak ada langsung cara untuk mengawal kemasukan orang asing. Di Bakelalan saya memohon supaya peruntukan diberi untuk mendirikan sebuah pondok khas untuk membantu pegawai-pegawai Tentera ataupun Pasukan Polis Hutan menjalankan tugas mereka dengan sedikit keselesaan. Juga di kawasan bersempadan dengan negara Brunei Darussalam, iaitu di kawasan Trusan dan

Temborong, rakyat dari Brunei dan Sarawak keluar masuk begitu sahaja, langsung tidak ada kawalan. Itulah yang saya cakapkan tadi, kita bersyukur kerana kedua-dua negara, iaitu Brunei dan Malaysia baik sekali perhubungannya, tetapi walaupun ada keadaan sebegini, kita janganlah lupa akan tugas kita sebagai pentadbir negara. Saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri, kerana perkara ini saya sudah bawa di dalam ucapan belanjawan saya pada kali pertama dahulu dan saya telah memberi tempoh satu atau dua tahun untuk diambil tindakan, tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa pun. Saya memohon supaya Kementerian memberi sedikit tumpuan dan perhatian – saya akan merasa senang sekali.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan Bukit Mas betul-betul merupakan kawasan yang menyokong Kerajaan, ada dua tiga kali pernah wakil rakyatnya menang tanpa bertanding di Kawasan Bukit Mas. Inilah kawasan yang kita perlu beri sedikit perhatian. Dan juga di kawasan sempadan Limbang dengan negara Brunei Darussalam iaitu di kawasan Tedungan, saya berharap Kementerian dapat memberi sedikit perhatian terhadap sedikit masalah yang perlu diatasi dan perlu diselesaikan secara diplomatik. Saya ada melawat kawasan ini beberapa kali dan saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat campur tangan sedikit untuk membantu negeri Sarawak menguruskan di manakah sebetulnya sempadan Sarawak/Brunei. Sekarang ini susah, Brunei cakap di sini dan Sarawak cakap di sana. Oleh kerana itu di kawasan Tedungan, ada sedikit-sebanyak perkara yang berlaku seperti pembunuhan dan lain-lain. Oleh kerana, dengan izin, may be that area belongs to no man, and the area may be around

one kilometre, oleh kerana itu, saya memohon agar Kementerian, melalui jasa baik kita, dapat membantu Kerajaan Negeri untuk berhubung dengan Brunei Darussalam bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah ini.

Jika sekiranya antara Singapura dengan Malaysia kita dapat keluar-masuk dengan begitu senang sekali, apa salahnya berbuat demikian dengan negara Brunei Darussalam? Kita di Malaysia pun banyak juga penduduk-penduduk tempatan yang beragama Islam, di Brunei pun macam itu juga. Oleh kerana itu, saya memohon supaya Kementerian Dalam Negeri dapat memberi sedikit perhatian supaya rakyat yang duduk dekat dengan sempadan Brunei dan Limbang mempunyai sedikit harapan. Kadang-kadang saya melawat ke kawasan itu, terus-terang saya katakan, gambar Sultan Brunei ada banyak di dalam rumah, gambar kita dari Malaysia tidak ada langsung – ini khas untuk Dewan Rakyat sahaja.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 00700, di bawah tajuk Bangunan iaitu Pasukan Polis Hutan dengan anggaran RM18,196,500.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingin minta penjelasan dan saya ini orang Sarawak juga. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas, kawasan kaya – Michael Lisa Kaya, dia sendiri kaya, kawasan dia banyak mas! Yang menarik perhatian saya ialah persoalan di satu kawasan di Bukit Mas yang ada menyimpan

gambar-gambar pembesar dan Sultan Brunei di rumah-rumah mereka. Jadi, tidak nampak pun gambar pemimpin dan pembesar-pembesar negara kita, Malaysia. Sepatutnya perkara ini tidak wujud. Soalan saya, berapa besarkah kawasan Yang Berhormat itu yang nampaknya ada pertelingkahan, tidak tahu sama ada mereka dalam Brunei ataupun dalam Malaysia. Dan macam mana keadaan orang di sana? Sama ada mereka itu menerima bahawa mereka orang Malaysia atau orang Brunei?

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di kawasan saya mereka memang menyokong Kerajaan Malaysia, itulah sebab wakil rakyat di kawasan Bukit Mas itu menang tanpa bertanding sebanyak tiga kali. Saya juga berharap pada satu masa kelak kalau dengan kehendak tuhan saya juga dapat menang tanpa bertanding dalam pilihanraya akan datang, tetapi dengan terusterang, ada sebilangan rakyat di kawasan saya yang sedang menghadapi masalah seperti ini. Kita tidak hairan kerana dari segi sejarah ia mempunyai kaitan dan selain daripada itu, tiap-tiap hari mereka menengok televisyen Brunei sahaja, televisyen Malaysia langsung tidak nampak. Itu sebab saya mohon supaya satu masa nanti, kalau ada peluang, saya akan bercakap dengan Menteri untuk mendapat kemudahan parabola, kalau boleh, beri khas untuk Sarawak sahaja dan kalau Sabah mahu, minta lain kali, masuk Barisan dahulu – mungkin! Sehubungan dengan ini, saya sudah melawat satu kawasan Pasukan Polis Hutan, oleh kerana ada saudara-mara di sana, iaitu di PFF, Batu Kawah Kem di Kuching.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menjelaskan dengan begitu terang sekali, anggota Pasukan Polis Hutan atau

Pegawai-pegawai Tentera kita betul-betul berjuang untuk negara Malaysia dan saya rasa, kita sebagai pentadbir negara, perlu memberi sedikit tumpuan kepada mereka yang senantiasa menjalankan tugas selama 24 jam dan kadangkadangkang mereka mengorbankan masa yang baik untuk menjaga keselamatan negara dan memelihara keamanan. Tetapi sekiranya mereka memerlukan bangunan yang baik sedikit, haruslah kita memberi sedikit peruntukan. Saya tidak mahu bercakap banyak tetapi, kalau boleh, saya ingin meminta penjelasan kepada Kementerian Pertahanan, sekiranya peruntukan ataupun Anggaran Belanjawan sebanyak RM18 juta tidak mencukupi, apa salahnya kita merayu kepada Kerajaan sekarang yang betul-betul prihatin terhadap masalah rakyat. Di PFF Kem Batu Kawah, saya tidak ada berbicang dengan mana-mana pegawai pun, oleh kerana saya tengok dengan mata saya sendiri dan saya bercakap dalam hati, dengan izin, "Thank God, these people really serve for the Government", oleh kerana ada sebilangan bangunan di kawasan kem ini sudah runtuh. Oleh kerana itu, saya berharap, kalau boleh – mungkin di lain-lain negeri di Malaysia ini ada juga keadaan seperti itu – kalau mereka betul-betul memerlukan dan meminta pertolongan dan bantuan dari segi peruntukan kewangan, haruslah kita agihkan. Oleh itu

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Michael Lisa Kaya: Minta gulung satu minit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, minta maaf, saya tambah sedikit sahaja. Ada satu perkara yang saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan, ada seorang di kawasan saya yang sekarang masih berada di luar negeri, iaitu saudara Anderson Mutang Urut yang memburuk-burukkan nama negeri Sarawak dan negara Malaysia. Apakah tindakan Kementerian? Saya sebagai Wakil Rakyat berjalan ke kampung-kampung dan mereka sudah sedar bahawa kegiatan seperti ini tidak baik dan di negeri Sarawak, dengan izin, the court is looking for him. Adakah Kementerian sudah berhubung dengan negara Kanada di mana Anderson sedang belajar sekarang? Selain daripada itu, saya berharap Kementerian dapat memberi sedikit perhatian terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong.

4.10 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 35, Butiran 010000, 030000, 050000 dan saya ambil semua ini sekali gus.

Pentadbiran dan dasar Kementerian Dalam Negeri. Dasar ini berasaskan atas prinsip apa? Baru-baru ini, dalam majalah *The Far Eastern Economic Review* ada satu kenyataan umum yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri baru kita sekarang bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri harus dikaji semula dan apabila satu soalan dari saya ada ditanya dalam Dewan yang mulia ini pada 18hb. Oktober 1993 dan soalan itu berbunyi:

“**Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia memansuhkan Akta Keselamatan

Dalam Negeri memadamkan kenyataan awam baru-baru ini oleh Menteri Kewangan bahawa ISA perlu dikaji semula”.

Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri menjawab seperti ini:

“Untuk makluman Yang Berhormat dari Jelutong, pihak Kerajaan belum lagi bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960. Walau bagaimanapun, kajian semula ke atas Akta tersebut mungkin dibuat oleh pihak Kerajaan”.

Oleh kerana apa perkataan “mungkin dibuat” ada digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam jawapan yang diberi itu?

Tuan Pengerusi, sistem demokrasi bagi Malaysia adalah berasaskan atas apa yang dikatakan “the rule of law” dan unsur-unsur dalam “Universal Declaration of Human Rights” dan lebih daripada itu, “the Westminster model” yang diikuti dalam negara kita. Oleh itu adakah perlu, adakah adil undang-undang seperti “The Internal Security Act” atau Akta Keselamatan Dalam Negeri wujud sampai sekarang dalam negara kita ini?

Tuan Pengerusi, dalam masa penjajahan, khasnya dalam tahun 1948, masa itu keadaan keselamatan dalam negeri adalah serius oleh kerana apa yang wujud pada masa itu dan, dengan izin, it was during the height of the armed communist subversion”. Oleh itu, pemerintah Inggeris pada masa itu meluluskan apa yang dikatakan “The Emergency Regulations 1948”. Boleh dikatakan, oleh kerana keadaan seperti itulah maka undang-undang seperti “The Emergency Regulations 1948” were necessary dengan izin. Tetapi dalam tahun 1960, dalam Parlimen ini juga, apa yang terjadi the Emergency

Regulations 1948 got the form of the Internal Security Act 1960”, dengan izin. Boleh dikatakan pada masa itu pun ada keadaan yang serius bagi keselamatan negeri kita. Oleh itu, Akta Keselamatan Dalam Negeri perlu diadakan, tetapi akhirnya pada bulan Disember 1989, the Malayan Communist Party (MCP) letak senjata – they surrendered, dengan izin, Tuan Pengerusi. Adakah apa-apa sebab yang munasabah, yang adil, yang boleh diterima sekarang untuk Akta ini dikekalkan?

Tuan Pengerusi, saya ada bertanya satu soalan dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb. Mei tahun ini. Soalan itu adalah:

“Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang tahanan dalam negeri yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan sama ada Kerajaan masih berazam mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kalau demikian, nyatakan sebab-sebab mengapa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak dimansuhkan”.

Jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri adalah seperti ini:

- (i) Sehingga pada tarikh 29hb. April tahun ini, seramai 84 orang sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.
- (ii) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Kerajaan mengambil pendirian tegas untuk mengekalkan Akta ini bagi tujuan untuk mencegah segala bentuk ancaman terhadap keselamatan negara seperti ancaman komunis

Mana ada ancaman komunis sekarang, Tuan Pengerusi? Bolehkah sebab seperti itu yang tidak wujud lagi termasuk dalam satu jawapan dalam Dewan yang mulia ini? Saya sambung—

“....anasir subversif, puak pelampau, gangguan terhadap perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi rakyat negara ini yang dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara”.

Tuan Pengerusi, sebab-sebab yang diberi oleh Menteri Dalam Negeri tidak bermakna oleh kerana apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam Parlimen, masa itu apabila sebab diberi atas mana Akta itu diluluskan, Kerajaan memberi sebab seperti ini: “Oleh kerana ancaman komunis”. Ancaman komunis jadi sebab yang utama untuk meluluskan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ancaman komunis tidak ada sekarang tetapi termasuk dalam jawapan. Bagi apa-apa ancaman lain, tidak ada undang-undang lain dalam negara ini. Ada beberapa undang-undang – Undang-undang Kanun Keseksaan, The Firearms Act, The Firearms (Increased Penalties) Act dan berbagai undang-undang lain yang boleh digunakan untuk menghapuskan ancaman-ancaman seperti itu dari mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini juga pada 29hb. Julai 1993, saya ada membangkitkan satu soalan dalam Dewan yang mulia ini mengenai bilangan orang tahanan dalam negeri di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ordinan Darurat 1969 dan Akta Dadah Berbahaya 1985, sehingga 30hb. Jun 1993 ini.

Dan jawapan dari Menteri Dalam Negeri, Tuan Pengerusi, berbunyi:

“Jumlah bilangan orang tahanan dalam negara sehingga 30hb. Jun 1993 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seramai 61 orang”.

Barangkali selepas ini, Tuan Pengerusi, 3 orang telah dilepaskan dan ini menjadikan kurang tiga orang daripada 61. Di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 ditahan seramai 93 orang dan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 seramai 1,750 orang. Ini, Tuan Pengerusi, jadi satu tanda yang tidak baik untuk negara kita. Oleh kerana tujuan undang-undang ini adalah untuk menghapuskan ancaman dadah. Tetapi dalam ketiga-tiga undang-undang ini tidak ada satu "opportunity" yang ada diberi kepada seseorang untuk defend himself in a court of law. Angka yang diberi mengenai orang yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah seramai 1,750 orang. Ini satu angka yang besar bagi sebuah negara demokrasi seperti negara kita untuk ada undang-undang seperti ini di mana seseorang rakyat boleh ditahan tanpa perbicaraan, tanpa diberi satu peluang untuk membela diri dalam mahkamah terbuka. Jadi ini satu tanda yang tidak baik, Tuan Pengerusi, untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, walaupun negara kita jadi satu negara yang bebas, walaupun negara kita di suatu masa adalah dalam pemerintahan penjajahan, tetapi apa-apa yang ada diterima "universally", yang menjadi asas the rule of law dan Universal Declaration of Human Rights, itu harus dikekalkan dalam negara kita. Walaupun baru-baru ini, Tuan Pengerusi, Perdana Menteri Australia, Encik Paul Keating ada buat satu tuduhan, satu perkataan yang telah digunakan oleh Perdana Menteri Australia ini terhadap Perdana Menteri kita, kelakuan yang tidak baik; oleh kerana apa yang ada dikatakan iaitu "recalcitrant" – jadi satu perkataan yang boleh digunakan oleh seorang yang kurang ajar dan Perdana Menteri itu kurang ajar,

oleh kerana dia gunakan apa yang ada beliau gunakan dan sampai hari ini tidak ada minta maaf atas kesalahan itu. Tetapi ini bukan bermakna apa-apa yang ada diikuti oleh sebuah negara di mana ada orang putih, kami di negara ini tentu menolak apa yang ada unsur-unsur yang tidak baik.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu mengenai *Rocket*. Saya ada bertanya satu soalan Dewan yang mulia ini pada 14hb. Mei, 1992 dan soalan itu adalah seperti ini:

"Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedia membenarkan surat khabar parti-parti politik disebarkan kepada orang awam dalam memelihara inti dan semangat proses demokratik.

Jawapan oleh Menteri Dalam Negeri berbunyi seperti ini:

"Kerajaan menetapkan bahawa surat khabar parti-parti politik adalah untuk edaran kepada ahli-ahli. Oleh kerana itulah kehendak parti-parti politik sendiri yang mahukan penerbitan-penerbitan itu dijadikan lidah rasmi parti berkenaan. Dalam pada itu, parti-parti politik adalah bebas menyuarakan pendapat atau pendirian mereka menerusi mana-mana akhbar yang mereka pilih, biar pun pandangan itu merupakan kritikan atau tohmahan terhadap Kerajaan. Ini jelas membuktikan bahawa proses demokratik terus berjalan dan terpelihara dalam negara kita ini".

"Ini jelas menunjukkan bahawa proses demokratik terus berjalan" – adakah apa yang dikatakan di sini ikhlas? Demokrasi apa ini Tuan Pengerusi – untuk satu lidah rasmi bagi satu parti untuk ahli-ahli sahaja? Adakah itu tujuan satu parti politik untuk mem-

keselamatan misalnya. Penjualan barang-barang seperti ini memang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan negara kalau pihak keselamatan kita tidak memiliki barang seperti itu sedangkan orang ramai boleh memilikinya. Boleh didapati dari pelancong-pelancong yang datang daripada Russia ataupun negeri-negeri CIS yang lain dan juga negeri China yang mudah masuk ke Malaysia sekarang ini. Kita harap Kementerian Dalam Negeri bertindak lebih tegas untuk menahan penjualan barang-barang seperti ini.

Seterusnya, ialah soal kawalan penerbitan. Kita lihat sekarang ini kebebasan akhbar masih lagi belum wujud di Malaysia. Di Australia, misalnya, peristiwa yang baru berlaku sekarang ini, kita mengecam Perdana Menteri Australia yang mengkritik Perdana Menteri Malaysia. Kami daripada PAS pun berpendirian yang sama iaitu Perdana Menteri Australia melampaui batas. Tetapi yang istimewanya, akhbar-akhbar di Australia boleh meminta Perdana Menteri mereka meminta maaf kepada Perdana Menteri Malaysia. Tetapi apakah boleh satu hari nanti akhbar Malaysia, boleh menyuruh Perdana Menteri Malaysia meminta maaf kepada seseorang? Ini yang kita lihat di sini.

Saya sebut tadi, kita menyokong pendirian Kerajaan terhadap Paul Keating. Akhbar di Malaysia baru ada kritik sedikit sahaja iaitu bila akhbar *Utusan Malaysia* mengkritik Perdana Menteri Malaysia dalam Wawancaranya di Jakarta mengenai soal penggunaan bahasa. Selepas itu kita lihat Ketua Pengarangnya terpelanting entah ke mana sampai sekarang. Kalau boleh disebut iaitu Encik Zainuddin Maidin, tetapi di Australia akhbar-barnya boleh minta Perdana Menteri minta maaf. Jadi perkara begitu saya rasa di Malaysia kalau akhbar suruh Perdana Menteri kita minta maaf kepada seseorang, jawabnya barangkali besok atau lusa 'tutup' sahaja. Ini adalah perkara yang perlu kita renung.

Begitu juga akhbar-akhbar kami dari parti Pembangkang, seperti akhbar *HARAKAH* masih lagi tidak boleh dijual di khalayak ramai. Ertinya tidak diberi kebebasan untuk kita jual seperti akhbar *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *The New Straits Times* dan lain-lain lagi. Jadi, di sini soal kebebasan akhbar kita lihat begitu teruk, sebab itu dalam kita membela Perdana Menteri kita, kita juga melihat bahawa beliau sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri mesti juga melihat ke dalam soal kebebasan akhbar di Malaysia yang kita nampak begitu teruk sekali. Akhbar DAP lagi teruk, tidak boleh dijual di khalayak ramai, akhbar *HARAKAH* kalau dijual pun barangkali orang-orang yang menjual itu secara berani, bukan mengikut dari segi undang-undang. Kita harap soal kebebasan akhbar perlu diberi di Malaysia ini, barulah kita berasa bermegah untuk mengkritik orang lain. Dan kita akan mempertahankan Perdana Menteri kita bila ia menghadapi suatu musibah, tidak kira parti – baru kita rasa sedap, kita mempertahankan Perdana Menteri kita. Ini kita pertahan tetapi tidak berapa sedap, bila kita menghadapi masalah kebebasan akhbar.

Tuan Pengerusi, seterusnya.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau bangun, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya lihat akhbar *HARAKAH* dan juga *Roket* banyak membelasah pemimpin-pemimpin Kerajaan, termasuk pemimpin kecil macam saya. Saya ingat tidak ada pegasang daripada *HARAKAH* ataupun *Roket* yang dibuang dan sebagainya. Jadi apakah itu bukan kebebasan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Akhbar itu bukan boleh dijual di khalayak ramai, untuk ahli sahaja. Ini penyokong Kerajaan pun tidak berapa faham dari segi hendak bela Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan ahli PAS, tetapi saya dibenarkan membeli akhbar berkenaan di kedai-kedai runcit atau di mana-mana.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya sudah sebut tadi, keberanian pekedai tersebut yang menjualnya. Ertinya kalau dari segi lesennya hendaklah kepada ahli. Jadi, kita terpaksa menjualnya dalam keadaan ketakutan, kemudian pekedai itu pula dia bukan tahu Yang Berhormat Tuan Shahidan ini ahli PAS atau ahli UMNO? Sebab mukanya macam ahli PAS! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa pendek, seterusnya mengenai hak kebebasan akhbar tadi, saya ingin sentuh juga mengenai Kelab Penulis Politik.

Kelab Penulis Politik ini ditubuhkan sebelum pemilihan UMNO baru-baru ini, dan tuduhan kepada mereka ada yang mengatakan mereka ini 'pelacur'. Ertinya boleh dibeli. Penulis ini boleh dibeli dan bila dibeli, ia dibayar dengan harga yang tertentu. Jadi, dia akan menulis mengikut taukeh yang membayarnya. Dan mereka ini pula yang dipanggil 'pelacur-pelacur' ini menubuhkan Kelab. Apakah Kelab mereka ini tidak disiasat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri? Setakat mana mereka disogok oleh pemimpin-pemimpin politik? Dan setakat mana nilai 'pelacur'

mereka? Sebab yang menuduh di waktu itu ialah daripada Perdana Menteri, Menteri Kewangan, bukan orang kecil, tetapi orang besar. Jadi, bila orang besar menuduh ini, dia ada nilainya. Kalau tuduhan itu tiada siasatan, maka orang yang bercakap itu tidak ada nilai dan kita harap Kelab ini hendaklah disiasat. Siapa yang jadi 'pelacur'? Banyak mana yang mereka terima? Apakah Kelab seperti ini diizinkan ditubuhkan, iaitu Kelab Penulis-penulis Politik yang mereka ini dianggapkan sebagai penulis-penulis 'pelacur' oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada musim Pemilihan UMNO (Baru) dahulu.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai hal keselamatan. Saya juga ingin menyentuh tentang setakat mana siasatan kepada bomoh yang sekarang ini menjadi isu besar terutama sekali kes 'Mona Fandey'. Kita tidak boleh sebut kerana ia dalam kes mahkamah. Tetapi yang kita hendak sebut di sini ialah yang diperkatakan berkali-kali iaitu 'Mona Fandey dan rakan-rakannya'. Kita tahu dia ramai anak murid terutama sekali di negeri Perlis. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan Yang Berhormat dari Arau. (*Ketawa*) Di negeri Perlis, Mona Fandey ini, dia pun ada hubungan keluarga dengan isteri saya juga. (*Ketawa*) Cuma anak-anak murid dia, ilmu-ilmu hitam yang diajar itu, saya yakin siasatan dijalankan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, tetapi setakat mana siasatan itu? Dan setakat mana bahayanya 'politik' ataupun 'kerja' yang dijalankan oleh Bomoh ala Mona Fandey itu menjalar di Malaysia ini? Yang menghairankan kita juga ialah kecekapan pihak Polis Diraja Malaysia. Pihak Polis Diraja Malaysia adalah di antara polis yang tercekap. Kita akui mereka cekap. Bila kita ditahan di bawah ISA dan disoal-siasat semasa dua bulan itu, perkara

yang kita bersembang dalam sulit pun Polis tahu. Ertinya polis di Malaysia cekap. Yang menghairankan kita kenapa kecekapan mereka itu diragui dalam kes pembunuhan Dato' Mazlan? Misalnya, bila pembunuhan itu kena kepada Dato' dan wakil Rakyat baru diketahui, sedangkan sebelum ini ada dikatakan pembunuhan di Kemaman, Terengganu, pembunuhan di Kelang begitu banyak. Apakah ada cover-up? Ini persoalan kita kerana orang seperti ini kawan-kawannya Tan Sri, Dato' dan sebagainya. Mona Fandey pernah masuk dalam parlimen dan duduk di belakang sini kerana dia hendak mengurat seorang Timbalan Menteri, nasib baiklah tidak dapat – Alhamdulillah. Dia pernah masuk ke sini dengan orang-orangnya. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, apakah ada cover-up? Dan imej Pasukan Polis yang tinggi sekarang ini kita lihat rakyat mula pertikaikan. Banyak kes, misalnya, kita lihat dalam penyiasatan kes MAIKA Holdings, siasatan yang dibuat oleh BPR dan sebagainya. Sekarang pendedahan dibuat oleh Pegawai daripada MIC kononnya ada sogokan kepada pegawai Polis Bukit Aman sebanyak RM100,000 dalam usaha untuk menutup kes skandal MAIKA Holdings. Perkara ini perlu disiasat dan perlu diketahui, apakah ada sesuatu sogokan untuk menutup kes yang begitu besar?

Begitu juga imej polis dalam masalah kes yang berlaku, misalnya kes D. P. Vijandran dahulu. Ketua Bahagian Jenayah sepatutnya bertindak untuk membongkar jenayah, tetapi membakar semua bahan pita video untuk menutup skandal jenayah. Nasib baiklah ada Yang Berhormat dari Jelutong ini, dia datang mengamuk dalam Parlimen dan kes itu dibuka semula. Kalau tidak ada Yang Berhormat dari Jelutong membawa kes itu semula, barangkali kes itu ditutup dan penjenayah seperti D. P. Vijandran itu boleh selamat kerana ia dilindungi oleh pihak keselamatan.

Begitu juga dalam kes-kes lain yang sering kita sebut, soalnya kenapa begini sekarang ini? Polis kita menjalankan tugas dengan baik, tetapi kerja-kerja mereka bila sampai ke peringkat akhir seolah-olah ada satu 'obstacle' untuk mereka bertindak sama ada pergi ke mahkamah ataupun menyasat secara sampai ke akhirnya. Ada satu usaha untuk menyekat (obstacle) kerja-kerja mereka. Kalau perkara ini berterusan, imej polis akan terjejas. Bila imej polis terjejas, keselamatan negara akan terancam.

Sekarang ini bila kita bercakap sesuatu, kita sandarkan bahawa kita masih ada undang-undang 'the Rule of Law'. Tetapi bila imej polis sudah terjejas, sama ada dalam kes MAIKA Holdings, kes D. P. Vijandran, kes Mustakizah atau yang lain-lain lagi, orang boleh melihat seolah-olah ada satu 'cover-up' Bila seolah-olah ada satu 'cover-up', kepercayaan kepada keselamatan negara tidak terjamin.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Nilam Puri mengatakan ada satu 'obstacle'. Bolehkah beri satu penjelasan apakah 'obstacle' itu? Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Macam ada satu halangan daripada orang atas. Kes yang begitu jelas ialah kes D. P. Vijandran. Bila pita video itu dibakar, ditanya oleh wartawan kenapa dibakar? Maka orang yang bertanggungjawab itu mengatakan, "A. G. yang suruh". Bilatanya A. G. pula, kita tahu dia akan beritahu pula siapa yang suruh. Ertinya kalau orang itu orang besar, ada perlindungan di pihak polis dan undang-undang. Kalau kami orang kecil ini membuat sesuatu kesalahan, tidak buat kesalahan lagi pun sudah kena masuk jel.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Ahli Yang Berhormat ada sebut kes Mustakizah tadi. Adakah seorang Timbalan Menteri yang ada disyaki terlibat (*Ketawa*) dan sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan dibuat oleh sesiapa pun, oleh kerana dia diperindungi oleh Kerajaan. Adakah itu benar?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak sentuh pada sesiapa, tetapi saya katakan tadi bila disyaki ada orang besar terutama di kalangan parti politik (pemerintah) yang terlibat seolah-olah polis melindungi dan usaha melindungi orang-orang besar tersebut sama ada dia D. P. Vijandran, Timbalan Menteri ataupun sesiapa sahaja. Jadi kepercayaan kita kepada pihak polis akan menurun tambahan pula terbongkar dalam kes MAIKA Holdings sejumlah RM100,000 disogokkan lagi, sama ada betul atau tidak, tetapi ini sudah menjadi satu spekulasi umum.

Polis di Malaysia adalah di antara polis yang terbaik, saya akui, di sudut kejayaan-kejayaan mereka membongkar sebarang skandal, tetapi mutakhir ini telah mula dipertikaikan. Ini kita bimbanglah dalam keadaan Malaysia mengejar menuju kepada Wawasan 2020 negara maju, tetapi sistem perundangan semakin pincang. Bila sistem perundangan semakin pincang, kita akan lihat satu hari nanti bila rakyat tidak percaya kepada polis, maka mereka akan mengambil tindakan ataupun undang-undang di bawah tangan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa cukup? Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar, selepas ini Kementerian menjawab.

5.00 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri dan sebelum saya bercakap panjang saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri kalau benarlah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan di'review'kan.

Di dalam kita membuat pengkajian semula Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, kita hendaklah berhati-hati. Di dalam pentadbiran keselamatan, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi tidak pernah merasa bagaimana susahnyanya untuk mewujudkan atau mendatangkan satu keadaan keselamatan di negara kita ini. Salah satu 'deterrent measures' yang diambil oleh pihak Kerajaan ialah mewujudkan undang-undang sedemikian.

Saya sendiri pernah bertugas dalam Jabatan Polis dan merasa sendiri bagaimana susahnyanya untuk membawa seseorang itu ke mahkamah. Umpamanya, kita pernah ketahui seseorang itu melakukan kesalahan dan memang kita tahu betul dia melakukan kesalahan, tetapi masalahnya, kita tidak mempunyai satu bukti yang nyata, bukti yang boleh dicuba dan boleh diluluskan di mahkamah. Dengan keadaan yang demikian, kita nampak orang yang melakukan bukan sahaja kesalahan-kesalahan kecil tetapi juga kesalahan-kesalahan yang besar, mereka lepas begitu sahaja, berlandaskan undang-undang yang ada pada kita.

Umpamanya, peristiwa pada satu hari dalam tahun 1972, saya duduk dalam Bilikan Gerakan selama 24 jam – 14 orang mati terbunuh, dibunuh oleh pihak komunis.

Pembunuhan itu bukan dilakukan beramai-ramai tetapi satu persatu ditarik dari meja makan semasa keluarga mengadakan, dalam adat orang Cina, "family dinner". Mereka dibunuh satu persatu. Dari pukul 5.00 petang hingga pukul 10.00 malam, 14 orang telah mati. Ini berlaku dalam tahun 1972. Di seluruh Bahagian Rajang dalam RASCOM Security Area, orang dibunuh. Kita tahu siapa yang membunuh dan kita tahu nama orang yang membunuh, tetapi masalahnya ialah macam mana hendak mencari bukti supaya orang-orang yang disyaki ini boleh dibawa ke mahkamah. Dengan keadaan yang demikian, kita memahami bagaimana susahnya pihak Jabatan Polis untuk mencari bukti yang nyata. Kalau buat pun salah, tak buat pun salah. Jadi semuanya serba salah. Di sanalah terletaknya kesusahan kerja sebagai Pegawai Keselamatan terutamanya pihak polis.

Kalaulah betul pihak Kerajaan hendak membuat satu penyelidikan atau pengkajian semula ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, saya amat mengalu-alukan. Di dalam negara kita bergerak di kalangan antarabangsa, di dalam keadaan 'interdependent world', kita perlulah peka juga dengan keadaan-keadaan di luar negara. Dalam kita peka dengan keadaan sedemikian, di dalam kita peka dalam soal-soal 'democracy' dan 'human rights' tetapi keselamatan negeri kita ini perlulah dipertekankan. Inilah yang mula-mulanya perlu kita tekankan. Soal 'human rights' dan 'democracy' ini mungkin pada saya, ini adalah soal kedua walaupun orang kita idealnya demokrasi di negara-negara barat. Umpamanya, baru-baru ini kita dengar, di Perancis, di negeri Lyon perempuan tidak boleh pakai 'scarfs' dalam kawasan sekolah kerana ini menunjukkan bahawa sekolah itu adalah sekolah sekular. Jadi, orang muslim tidak boleh pakai 'scarfs'. Adakah ini 'human rights'? Tiada undang-undang

yang megatakan boleh atau tidak boleh, tetapi keadaan di negeri itu mereka sendiri menekankan. Di Malaysia ini tidak ada orang "on the basis of his race, on the basis of his colour and on the basis of his religion", kena tekan. Kita ada undang-undang.

Saya belajar di luar negeri dan saya pernah ditikam.....minta maaf menggunakan percakapan Sarawak. Di Sarawak perkataan 'tikam' ini maknanya 'baling' atau 'campak'. Mereka baling kita dengan buah epallah, mereka kata kita ini 'Pakistani bastards'lah, tetapi kita diam sahaja. Minta maaf, Tuan Pengerusi, kerana menggunakan perkataan yang 'unparliamentary', tetapi bukannya saya tujukan kepada sesiapa. Dalam keadaan sedemikian, tidak ada undang-undang pun kita memang sudah ditekan.

Sekarang saya pergi kepada kebebasan. Tadi rakan-rakan saya menyarankan mengenai kebebasan percetakan dan akhbar. Kalau kita pandang dari satu perspektif, memang kita bersetuju. Tetapi kalau kita pandang dari satu perspektif yang lain, kita akan dapat satu perkara yang lain pula. Umpamanya, pada masa sekarang Bill Clinton hendak 'introduce'kan 'legislation of gun' di Amerika di mana sekarang mereka diberikan kebebasan. Mengikut penyelidikan mereka, kalau seseorang mempunyai senjata di rumah mereka, orang itu berkemungkinan mati cepat kerana dengan adanya senjata, ia mungkin ada 'repercussion' dan dia akan menggunakan senjata juga. Dengan keadaan yang demikian, Kerajaan Clinton sekarang hendak 'introduce'kan undang-undang untuk generasi akan datang untuk menghadkan penggunaan senjata. Maknanya, sedikit-sebanyak diturunkan sedikit 'the right to own gun, the right to self-defence and the right to kill people' dengan menggunakan senjata ini. Begitu juga dengan akhbar.

Oleh kerana skandal berhubung dengan Princess Diana – gambar yang dia buat exercise macam ini, keluar dalam satu surat khabar – sekarang pihak British sedang menggubal satu undang-undang supaya menghadkan keadaan yang sedemikian. Tetapi kita yang sudah ada undang-undang ini, janganlah kita tidak boleh pula! Adakah keadaannya sudah baik, sudah tenteram dan keadaannya sudah patut diterima oleh masyarakat kita di sini maka kita hendak mengubah pula supaya kacau-bilau dan huru-hara berlaku dalam negara kita ini? Dengan keadaan ini, kita boleh buat penyelidikan, buat satu undang-undang baru sebagaimana yang dibuat di Austria. Bila Malaysia membuat bantahan terhadap undang-undang ‘eco-labelling’nya, maka dia bubarkan undang-undang itu dan dia buat satu undang-undang baru, tetapi mungkin kurang sedikit. Dalam keadaan sedemikian, kalau ISA dibubarkan, satu undang-undang yang lain patut dibuat supaya boleh direview oleh pihak mahkamah. Tetapi ia mesti oleh kerana keadaan, dalam pandangan saya belum lagi ideal bagi kita mengamalkan ‘liberal democracy’ seperti yang dianuti oleh pihak-pihak di Barat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya berpindah kepada cerita lain, iaitu muka surat 213, Butiran 00400 – RASCOM. RASCOM ditubuhkan dalam tahun 1971 dan sampai hari ini masih wujud. Seperti mana yang kita ketahui RASCOM sudah tidak ada apa-apa lagi. Soal emergency sudah tiada lagi dan komunis pun mungkin tidak ada lagi. Bukanlah kita mengatakan bahawa perjuangan komunis ini sudah tidak ada lagi – masih ada. Perjuangan komunis masih ada, tetapi berkemungkinan tidak menggunakan senjata. Itu sahaja. Ideologi komunis, orang yang menganuti fahaman komunis dahulu masih ada. Saya hendak bertanya kepada Kementerian sama ada apa yang saya katakan tadi benar ataupun

tidak? Apakah rasionalnya mewujudkan RASCOM dan kita berbelanja sampai berjuta ringgit untuk mengadakan keadaan yang demikian.

Saya pergi ke muka surat 214 mengenai Polis Diraja Malaysia, Butiran 010000 – Pengurusan. Saya hendak bertanya pihak Kementerian, berapa ramaikah polis mati daripada tahun 1960 sampai sekarang, mengikut tahun? Berapa banyakkah yang mati terbunuh dan kenapa mereka mati terbunuh? Berapa ramaikah pihak polis ini yang menerima ‘Bintang Gagah Berani’ yang diberi oleh pihak Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri oleh kerana perjuangan mereka?

Jadi, saya hendak tanya hari ini ialah untuk menunjukkan berapa banyakkah perjuangan polis yang telah terkorban atau menyebabkan kematian ada juga yang mendapat Pingat Gagah Berani, tetapi walau bagaimanapun, mereka telah mati juga. Bahkan Komander saya dahulu, Johnny Mustafa namanya, memang kita tahu dia akan mati, masa saya bersama dengan dia dahulu pun saya pernah sebut kepadanya: “Satu hari nanti you akan mati tertembak” Betul juga dia mati tertembak, diberi Pingat Gagah Berani “posthumous”, tetapi tidak membuktikan yang mereka ini mati begitu sahaja. Jadi, soalnya yang saya bawakan ke sini ialah kedudukan pihak polis.

Saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian bagaimanakah review gaji polis? Sudahkah dibuat dan macam mana keadaannya? Dan adakah ini mencerminkan pengiktirafan Kerajaan dan terima kasih Kerajaan kepada pihak Jabatan Polis yang bukan sahaja memperjuangkan dan bermati-matian dalam keadaan peperangan, ‘emergency’, bahkan pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1974, kalau tidak salah saya, Polis Kanada oleh kerana ‘frustrated’ dengan tidak ada

sambutan daripada pihak Kerajaan Kanada pada masa itu, pihak polis berhenti kerja sekejap di Ottawa – dia kata bukan mogok. Polis tidak boleh mogok. Dia berhenti satu hari – tidak bekerja. Pada satu hari polis berhenti kerja itu, berjuta-juta kerosakan, pencurian, perogolan dan apa-apa sahaja jenayah berlaku pada hari itu, 'free for all', dengan izin – oleh kerana polis tidak mengambil tindakan pada satu hari sahaja. Selepas itu pihak Kerajaan kata, okay kita berbincanglah dengan pihak polis.

Pada tahun lepas, semasa polis tarik diri daripada mengawal 'traffic lights' di Kuala Lumpur, semua 'traffic jam'. Tetapi kalau any Government Department stands down, belum tentu Kerajaan kehilangan apa seperti yang berlaku apabila Police Department stands down. Itulah sebab polis tidak boleh melakukan mogok. Tak boleh adakan union – mengadakan persatuan untuk berbincang, tetapi dalam persatuan ini dia bergaduh sesama sendiri sahaja. Jadi, dalam keadaan yang demikian, kita menunjukkan bagaimana pentingnya polis dalam setiap keadaan. Bukanlah saya mengatakan polis itu menerima satu 'special treatment'. Saya meletakkan jawatan daripada polis dahulu, sebab saya tidak puas hati – bukan tidak puas hati dengan Kerajaan, tidak puas hati dengan polis itu sendiri.

Jadi, saya ingin bertanyalah atau meminta kepada pihak Kerajaan agar kalau kajian ke atas gaji polis itu tidak diterima ataupun sudah dilulus ataupun ditolak, saya mintalah buat kajian semula dan menerima hakikatnya Jabatan Polis ini sangatlah penting bagi kita.

Muka surat 214, Butiran 020000 – Logistik. Saya ingin bertanya, kita mempunyai satu kumpulan pengawal rusuhan di Malaysia ini. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah pasukan

ini menyimpan sejenis 'spray' iaitu dikatakan "aerosol pepper spray" salah satu daripada senjata yang digunakan untuk menggempurkan rusuhan. Kalau ada, adakah pihak Kerajaan sudah membuat kajian sama ada benda itu selamat ataupun tidak selamat?

Tuan Pengerusi, saya berpindah dari polis ke Jabatan lain, oleh kerana perkara ini tidak berapa panjang sangat, jadi saya tidak payah cerita, saya hendak buka beg saya dahulu. Di muka surat 227 – Program 02200 – Kad Pengenalan. Saya tunjuk Kad Pengenalan saya. (*Menunjukkan Kad Pengenalan*)

Kad Pengenalan ini dianggap satu Kad Pengenalan yang bermutu tinggi. Kad Pengenalan saya dikeluarkan pada 6hb. Mac 1992. Sehingga sekarang disimpan dalam beg pun Kad Pengenalan saya ini telah terbuka keadaannya. Jadi, saya hendak bertanya adakah Kementerian bercadang hendak membuat satu Kad Pengenalan yang lebih bermutu, yang lebih baik dan lebih tahan lama lagi daripada yang ada ini. Kalau tidak, saya mohonlah supaya dibuat. Sebab Kad Pengenalan saya ini kalau dilihat di sini telah rosak. Tetapi, kalaulah saya ini duduk di kampung bekerja sebagai penangkap ikan ataupun pekebun mungkin benda ini sudah tidak dapat digunakan lagi sekarang ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oleh kerana masa sudah cukup, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta pihak Kementerian menjawab.

5.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan mereka telah memberikan banyak cadangan dan teguran. Saya akan cuba seboleh-bolehnya menjawab apa yang dapat saya catat di sini. Dan yang lain-lain jika sekiranya tidak sempat saya jawab, Kementerian Dalam Negeri tetap akan mengambil perhatian.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan mengenai kejadian ataupun insiden di Jeli, Kelantan yang melibatkan Orang Asli dan penduduk-penduduk tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah menjalankan siasatan dan seramai 11 Orang Asli telah ditangkap; hasil daripada siasatan yang dijalankan, 9 orang daripada mereka itu telah didakwa di Mahkamah Kota Bharu, Kelantan di bawah Seksyen 302/34 Kanun Keseksaan. Perbicaraan telah ditetapkan 8hb. dan 9hb. Januari, 1994. Memandangkan kes ini adalah akan dipertimbangkan oleh mahkamah, maka saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut di sini.

Walau bagaimanapun, insiden itu

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya belum habis lagi, saya hendak teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Seksyen Jenayah, 302.....

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak beri jalan, saya belum habiskan perkara ini.

Isu di sini, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas semalam, ialah mengenai keselamatan di kalangan Orang Asli pada keseluruhannya. Beliau bukan hendak membincangkan kes ini – mengikut fahaman saya. Isu ataupun insiden ini sebenarnya satu insiden yang 'isolated', dengan izin, yang berlaku di Jeli. Ianya tidak memberi satu gambaran bahawa di semua tempat-tempat yang lain di mana adanya Orang Asli tinggal itu mempunyai masalah sedemikian. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian dan kita akan terus membincangkan hal-hal mengenai keselamatan ini dengan jabatan yang bertanggungjawab terhadap hal-hal ataupun kebijakan Orang Asli. Pada masa ini ia bukan lagi di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan pandangan-pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah meminta hendak tahu tentang angka-angka tahanan. Saya akan jawab perkara ini sekaligus dengan beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan dari Kok Lanas dan yang lain sedikit masa lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tahu sama ada undang-undang Akta Dadah Berbahaya mandatori hukuman gantung ini sejak penguatkuasaannya sama ada ia berkesan atau tidak, kalau hendak dilihat sebelum itu ada berapa kes dadah dan selepas itu adakah berkurangan atau bertambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini susah bagi kita hendak membandingkan, sebelumnya kes itu berapa dan selepasnya

kes itu berapa, kemudian kita membuat satu kesimpulan bahawa sesuatu undang-undang itu berkesan atau tidak. Oleh kerana sejak undang-undang gantung mandatori ini dilaksanakan pada tahun 1975 – sampai hari ini kita masuk

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Pembetulan. Hukuman mati mandatori adalah pada 13hb. April, 1983. Adakah Setiausaha Parlimen sedar keadaan yang sebenarnya? Jika tidak tahu, jangan beri angka yang tidak tepat dan tidak betul. Mana ada dalam 1975, beritahu sekarang.

Tuan Ong Ka Ting: Kalau hendak minta penjelasan, minta secara sopan-santunlah. Kalau dia hendak ikut cara Perdana Menteri Australia itu, saya pun mengguna cara itu, tengoklah apa rasanya. Saya sudah kata ada kesan undang-undang dadah yang ketat, iaitu hukumannya sangat ketat. Sejak tahun 1975 kita sudah ada satu hukuman yang ketat terhadap mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah – sejak adanya undang-undang. Saya tidak kata Akta Dadah Berbahaya 1983 atau 1985. Jadi, tak payah cepat-cepat hendak tunjuk dia peguam yang handal.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habis, duduk dahululah.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri jalan.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, seramai 509 orang telah didapati salah dan dihukum selepas pelaksanaan hukuman mandatori di bawah Akta Dadah Berbahaya. Itu saya hendak masuk berkenaan dengan apa yang ditanyakan. Hukuman mandatori ini merupakan satu langkah untuk mencegah mereka daripada terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah. Apa yang saya cuba hendak terangkan tadi ialah kalau kita bandingkan tempoh masa – kalau kita bandingkan pada tahun 1970an dan 1980an dengan 1990an ini, banyak kegiatan-kegiatan akibat daripada pembangunan ekonomi. Ekonomi negara kita sudah bangun dengan begitu pesat, dan orang sudah mempunyai tekanan yang banyak, terutamanya dalam tahun 1990an ataupun hujung tahun 1980an, maka pada masa itulah salah satu faktornya dadah boleh masuk dan pengaruhi, terutamanya mereka yang duduk di bawah tekanan atau pemudapemudi yang menghadapi bermacam-macam masalah peribadi dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habiskan apa yang saya hendak terangkan. Nanti dahulu.

Kalau kita hendak bandingkan bilangan absolutnya, itu tidak boleh jadi satu kriteria yang jelas. Lagi pun jumlah bilangan penduduk kita semakin tambah. Kalau tahun 1960an dengan hari ini, dengan izin, population kita sudah tambah banyak. Kalau sekiranya hendak katakan sekadar dengan penambahan population itu, bilangannya sepatutnya dalam apa jua kegiatan, tak kira terlibat dalam dadah, terlibat dalam jenayah atau bilangan orang kaya, bilangan orang berpendidikan, semuanya tambah. Jadi, kita tak boleh kita banding secara absolute. Itulah

satu perkara yang cuma saya hendak terangkan. Adalah tidak benar bahawa undang-undang ini tidak berkesan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi walaupun Yang Berhormat cuba untuk menerangkan, tetapi bolehkah pada kesimpulan, pada relatifnya. Saya faham ada beberapa faktor yang menyebabkan pengedar dan penagih dadah. Walau bagaimanapun, secara relatif, adakah bilangan pengedar dan juga bilangan penagih sudah bertambah? Kita boleh beri faktor-faktor itu, saya terima. Tetapi secara relatif adakah bertambah dalam beberapa tahun ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, bilangan pengedar dan bilangan penagih saling berkait. Kalau adanya demand, maka ianya ada supply. Selalunya dalam masyarakat kita ini ia bukan punca berasal daripada demand sahaja. Ada mereka yang sengaja hendak adakan satu market di sini. Orang ini mungkin daripada luar. Kebanyakan dadah ini masuk daripada negara luar, bukan dalam Malaysia. Bila keadaan sudah wujud, di mana saya sudah sebut tadi ekonomi sudah baik, cara atau gaya hidup di sini sudah lebih sophisticated dan banyak masalah akan datang. Trend dunia moden pun sudah sedikit-sebanyak memberikan peranan kepada dadah ini, maka negara kita seperti negara-negara lain turut menjadi sasaran oleh pengedar dadah ini adalah sindiket antarabangsa. Kalau sekiranya tidak ada undang-undang pencegahan ini dan kalau sekiranya Kerajaan kita tidak ketat dan tidak pegang teguh kepada undang-undang yang mengenakan mandatory death sentence ataupun mengenakan hukuman yang cukup setimpal itu, saya rasa kemungkinan besar negara kita pada hari ini, bilangan pengedar atau bilangan penagih jauh lebih banyak, mungkin beberapa kali ganda kalau dibanding dengan yang ada sekarang ini.

Mengapa kita tak tengok dari sudut itu. Saya dan juga Kerajaan percaya memang kalau tidak ada pencegahan – saya setuju dengan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi, dia ada kesan deterrent. Deterrent itulah yang telah memberi satu kesan selama ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang mana satu. Kota Setar dahulu.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri. Berhubung dengan pengedar-pengedar dadah ini, mereka ini terdiri dari golongan yang kaya. Mengikut laporan Setiausaha Parlimen, pengedar-pengedar ini, sungguhpun dikenakan hukuman gantung, bilangan bertambah juga. Mengikut cerita-cerita dalam filem yang saya tengok, gangster-gangster yang besar-besar di Amerika menyimpan lawyer. (*Ketawa*) Jadi, saya hendak tahu sama ada sungguh – saya tak tuju kepada Jelutong. Saya hendak tahu sama ada pengedar-pengedar dadah ini, sungguhpun hukuman gantung, adakah mereka ini ada kaitan – peguam ini ada kaitan atau tidak dengan pengedar, sebab kita tengok orang itu sahaja yang dibela. Kita tahu bahawa pengedar ini banyak duit. Peguam ini memang cuba hendak membela kebenaran, tetapi kita kena siasat juga. Adakah peguam ini ada hubungan dengan pengedar-pengedar yang kejam?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebagai seorang Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, saya sentiasa adil kepada semua. Saya tidak buat apa-apa implikasi

terhadap mana-mana Ahli Yang Berhormat sama ada dia lawyer atau tidak. Tetapi saya cuma hendak ingatkan satu perkara, apa yang dibangkit dalam mahkamah itu pada masa menjalankan tugas sebagai lawyer di mahkamah, peranannya lain. Tetapi dalam Parlimen ini peranan pun lain. Dalam Parlimen, kita sentiasa ingat kepentingan rakyat yang mengundi kita. Di mahkamah, dia sentiasa menjaga kepentingan client-nya supaya dia lepas, itu tujuannya. Itu kita tak boleh persalahkan, itu profesionnya. (Ketawa)

Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Jelutong ya. Dia benarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Setiausaha Parlimen sedar bukan peguam yang buat keputusan, tetapi hakim yang membuat keputusan sama ada seseorang itu salah atau tidak. Jadi, jika seseorang hakim membebaskan seseorang, hakim itu pun adakah terlibat dengan sindiket? (Ketawa)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong jangan salah faham apa yang saya hendak beritahu. Jangan terasa pedas pula. Sebab apa yang saya hendak katakan, dalam mahkamah, seseorang peguam itu dari segi profesionnya, setahu saya – saya bukan seorang peguam, tetapi common sense, ia mesti sedaya-upaya gunakan semua cara-cara undang-undang, membela, mengaitkan banyak contoh-contoh lain supaya clientnya itu dilepaskan – ini kerja professional. Cara dia hendak melaksanakan tugasnya, tentu dia akan cuba, termasuk mencarikan jalan-jalan teknikal. Walaupun mungkin dia percaya seseorang itu terlibat dalam pengedar dadah, tetapi dia nampak ada sesuatu loop-hole teknikal, sebagai seorang peguam yang pandai, dia mesti gunakan. Tak ada seorang peguam pandai tak akan lepaskan peluang itu. Oleh kerana sebab teknikal, dia patut dilepaskan – hakim terpaksa lepaskan, sebab memang tugas hakim.

Jadi, walaupun kita sudah tahu bahawa seseorang itu adalah pengedar dadah, tetapi atas sebab-sebab teknikal dia dilepaskan. Jadi, adakah Kerajaan ataupun polis boleh melepaskan seseorang pengedar dadah itu? Kita tidak boleh lepaskan. Jadi, di situlah peranan undang-undang pencegahan diperlukan di sini. Itulah secara senang dan ringkas.

Tuan Pengerusi

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, oleh sebab saya tidak dapat berucap, jadi saya hendak tanya soalan yang lebih sedikit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Saya minta penjelasan, tadi Nilam Puri bercakap bahawa penagih dadah yang tidak rasmi ialah 1 juta.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan Nilam Puri yang bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan Nilam Puri?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia quote daripada ucapan Yang Berhormat Parit Sulong iaitu angka rasmi ialah 170,000 dan angka tidak rasmi 1 juta. Kalau 1 juta, ini bermakna rakyat Malaysia ada 18 juta orang, 1 juta orang hisap dadah, jadi, tiap-tiap satu keluarga dalam Malaysia mesti lebih daripada 18 orang adik-beradik. Maknanya tiap-tiap keluarga di Malaysia, termasuk Tan Sri, Dato' Seri Dr. Mahathir, Pak Nik Lah – semua ada keluarga hisap dadah. Jadi, saya minta supaya angka ini diperbetulkan. Saya mendapat laporan bahawa angka rasmi ialah 178,000 orang dan tidak rasminya, dikalikan dengan 3, jadi, kita tolong

perbetulkan angka itu. Kalau tidak angka ini menakutkan. Saya ingat kita kena isytiharkan darurat serta-merta dan kerahkan semua rakyat Malaysia untuk mencari penagih dadah – kalau tidak, susah. Negara Malaysia dikatakan mempunyai taraf ekonomi yang tinggi melambung dan bagus, tetapi 1 juta rakyatnya hisap dadah – sebab duit terlampau lebih.

Tuan Pengerusi, penjelasan yang kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan kepada badan-badan yang terlibat secara sukarela untuk sama-sama mencegah dadah, contohnya, seperti PEMADAM dan sebagainya. Walaupun dalam PEMADAM ini ramai Ahli-ahli DAP dan juga PAS tidak terlibat, tetapi dadah tidak mengira parti PAS atau UMNO, dia akan menyerang, walaupun ahli PEMADAM ramai terdiri daripada orang-orang Barisan Nasional, jadi adakah Kerajaan berfikir hendak tambah peruntukan? Sebab RM100,000 yang diberikan kepada PEMADAM adalah tidak mencukupi.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya memang setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau bahawa angka rasmi tidak begitu ramai sehingga 1 juta orang. Walaupun angka itu berubah-ubah, tetapi secara rasmi yang dapat dikesan ialah dalam lingkungan lebih kurang 170,000 orang. Jangkaan kita pun, kalau didarab dengan 3, tidaklah sampai 1 juta orang. Saya setuju benar bahawa gambaran itu perlu dibetulkan; kalau tidak, imej negara kita mungkin terjejas.

Saya hendak menghabiskan mengenai isu-isu dadah ini sebelum saya pergi kepada hal-hal yang lain. Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah pun menyuarakan perhatiannya, terutamanya, terhadap penagihan dadah yang ada kaitan dengan AIDS, ataupun pembawa HIV. Ahli Yang

Berhormat dari Parit Sulong juga mencadangkan supaya Kerajaan bertindak tegas untuk mengesan dan memastikan mereka yang mempunyai HIV, sama ada kepada penagih dadah ataupun kepada suami isteri, mereka ataupun orang-orang yang mempunyai hubungan dengannya mesti dikesan dan satu Pasukan Petugas Khas (Task Force) diadakan. Sebenarnya satu Pasukan Petugas Khas ataupun Task Force, dengan izin, sudah pun ditubuhkan oleh Kerajaan. Anti-Dadah itu adalah satu perkara yang kita sudah tahu bahawa Kerajaan mengambil berat mengenainya sebab dadah itu adalah musuh negara kita – di samping Task Force Anti-Dadah ada juga satu Pasukan Petugas AIDS di mana Pasukan Petugas AIDS ini adalah di bawah jagaan Kementerian Kesihatan, tetapi ianya juga melibatkan beberapa Jabatan Kerajaan, termasuk agensi-agensi Keselamatan. Disamping menjalankan tugas-tugas yang biasa seperti mengadakan kempen-kempen untuk mencegah AIDS dan sebagainya, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan itu juga sentiasa mengadakan bengkel-bengkel, mesyuarat-mesyuarat ataupun tindakan bersepadu untuk mencegah AIDS daripada merebak, terutamanya kepada mereka yang dikatakan pembawa HIV.

Semua mereka yang disyaki sama ada disyaki sebagai penagih dadah ataupun pembawa HIV, pihak berkuasa akan menjalankan ujian terhadap seseorang yang disyaki itu, misalnya, kalau seseorang itu disyaki sebagai seorang penagih dadah, jika sekiranya pihak berkuasa mendapat tahu, pihak berkuasa boleh menjalankan satu ujian terhadapnya dan kalau didapati positif, maka penagih itu akan diambil tindakan mengikut undang-undang. Begitu juga bagi kakitangan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Salah satu yang saya kemukakan tadi ialah tidakkah sudah sampai masanya supaya dalam usaha pencegahan supaya masalah virus HIV dan penyakit AIDS ini tidak merebak dengan meluas, diberi perspektif ataupun dimensi keselamatan? Jadi, saya mencadangkan, kalau sudah ada satu Pasukan Petugas Khas (Task Force) untuk mengawal merebaknya HIV dan penyakit AIDS ini, tidakkah badan ini di pertanggungjawabkan di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri supaya penjagaan dari segi aspek-aspek keselamatan itu diberi satu penekanan (emphasise) yang lebih serius.

Penjelasan yang keduanya, apabila saya menyebutkan bahawa sekarang ini terdapat lebih kurang 172,000 orang penagih dadah dan jumlah tidak rasminya adalah 7 sebenarnya saya mengambil satu 'quotation' daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada tahun 1983, iaitu 10 tahun yang lalu. Saya tidak tahu kalau skala (scale) ini telah pun menurun kepada 5 orang ataupun 3. Jadi, saya minta kalau ada penjelasan-penjelasan, haruslah dibuat di dalam Dewan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Pasukan Petugas Khas mengenai AIDS ini, pada masa ini lebih menitikberatkan dari segi rawatan dan perubatan. Oleh yang demikian, peranan yang lebih besar adalah dimainkan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri ataupun agensi-agensi keselamatan juga memainkan peranan dari segi pencegahan, seperti, pihak polis akan menjalankan tugasnya untuk bertindak terhadap kegiatan-kegiatan maksiat seperti mana yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Jabatan Imigresen juga menguatkuasakan peraturan-peraturan Imigresen untuk mencegah mereka yang disyaki mempunyai penyakit-penyakit yang boleh merebak, seperti AIDS, daripada masuk ke dalam negara kita. Jadi, dari segi pencegahan, agensi-agensi keselamatan memang mempunyai satu persefahaman ataupun ada usaha-usaha perbincangan bersama. Ini memang diadakan.

Kalau sekiranya kita terlalu menekankan masalah AIDS ini dari segi keselamatan sahaja, sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, maka kita akan memberi emphasise yang salah. Kita bukan hendak melawan mereka yang menghidap penyakit AIDS, tetapi kita hendak melawan AIDS — itu kita punya priority.

Tuan Pengerusi, saya sudah buat penjelasan tadi mengenai tafsiran Yang Berhormat dari Arau, jadi saya tidak akan ulang lagi.

Mengenai kegiatan tindakan penguatkuasa terutamanya pasukan polis terhadap kegiatan maksiat, kegiatan "gay" ataupun pondan, yang disebutkan di sarang-sarangnya ataupun tempat-tempat yang disyaki kerap kali adanya kegiatan ini, pihak polis telah pun mengadakan operasi dan serbuan dengan begitu kerap, terutamanya baru-baru ini dalam tahun ini di semua bandaraya-bandaraya, bandar-bandar besar ataupun tempat-tempat yang kita terima maklumat di mana ada kegiatan maksiat atau kegiatan yang melanggar undang-undang dari segi boleh menyebabkan AIDS ini, polis sudah bertungkus-lumus dan berusaha sedaya-upaya.

Sehingga hari ini, apa yang dapat saya laporkan kepada Dewan ini ialah seramai 13 orang pada tahun 1992 telah pun dikenakan Akta Kediaman Terhad (Sekatan) iaitu mereka disekat. Ini adalah mereka yang melibatkan diri dalam sindiket

pelacuran ataupun mengusahakan kegiatan pelacuran dan seramai 28 orang telah pun ditahan setakat tahun 1993 ini kerana mengusahakan kegiatan pelacuran dan semua ini menunjukkan pasukan polis tidak bertolak ansur dan sentiasa menjalankan tugas.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi penjelasan. Dalam serbuan pihak polis di Kelab Gay Bukit Bintang itu, apakah benar di antara yang ditahannya termasuklah pengacara terkenal dalam TV3. Oleh kerana dia seorang pengacara terkenal dalam TV3, sehingga setakat ini pihak Kementerian tidak mengambil apa-apa tindakan bahkan beliau terus menjadi pengacara di TV3. Apakah kerana dia ini penghibur terkenal ataupun pengacara terkenal maka tindakan kepada Pengerusi Gay ini tidak diambil tindakan? Apakah sangkaan itu benar?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya rasa adalah satu perkara yang serius kalau saya beri satu jawapan yang mempunyai implikasi dengan mengatakan ada di antara mereka dari TV3 itu terlibat. Jadi, semua kakitangan di TV3 macam disyaki oleh orang dan itu adalah tidak adil bagi mereka. Saya rasa kalau hendak buat sangkaan macam itu, kecuali kalau Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ada bukti, dia ingat betul, dia boleh bangkitkan dan kita siasat. Tetapi kalau hendak tanya siapa, jangkaan dia mungkin atau tidak mungkin, maka jawapan saya ialah tidak berasas, sebab saya tidak ada bukti.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa masa sudah suntuk, nanti tidak boleh habis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak boleh beri nama di sini untuk melindungi orang tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Ya, kalau boleh, beri kepada pihak polis atau Kementerian Dalam Negeri, kita akan siasat.

Tuan Pengerusi, mengenai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Nilam Puri bangun. Di belakang sana.

Tuan Ong Ka Ting: Belum, belum..... Saya belum.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Parit Sulong, Tuan Pengerusi. Bukan Nilam Puri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya, tadi saya cadangkan sama ada pihak polis, Kementerian Dalam Negeri dari segi task force dadah ataupun Majlis Keselamatan Negara mencadangkan kepada pihak licensing bodies, dengan izin, pihak-pihak yang mengeluarkan lesen supaya tidak diizinkan kewujudan premis-premis untuk Kelab Gay ini. Saya tanya hal ini kerana di samping dadah, AIDS dan HIV ini disebar dan direbakkan oleh amalan homosexual. Jadi, perkara ini walaupun pada peringkat yang awal, tidakkah pihak Kementerian Dalam Negeri berpendapat wajar dihapuskan sama sekali pada waktu ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong itu akan dikaji dari aspek-aspek yang sesuai sebelum kita ambil satu keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah pun menyentuh mengenai keadaan keselamatan di negeri Kelantan dan hubungkaitnya dengan perlawanan bola sepak dengan politik dan sebagainya. Pihak polis memang sentiasa memberikan kawalan keselamatan di setiap masa dan di semua negeri, termasuk Kelantan. Kawalan keselamatan ini akan dipertingkatkan semasa berlangsungnya sesuatu perhimpunan yang melibatkan ramai orang awam seperti perlawanan bola sepak dan sebagainya.

Ingin saya mengingatkan bahawa seharusnya mereka yang terlibat perlulah sentiasa mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi dan janganlah mengaitkan perlawanan bola sepak dengan hal-hal politik atau hal-hal kenegerian secara keterlaluan sampai berpecah-belah antara rakyat sesama sendiri. Jadi, itu adalah satu perkara yang akan merugikan semua pihak.

Mengenai hal-hal dari segi keagamaan ataupun lain-lain yang dibangkitkan itu, Kerajaan akan pastikan isu yang sensitif itu tidak digunakan oleh mana-mana pihak bagi kepentingan mereka sendiri sama ada kepentingan politik ataupun cuba hendak memecah-belahkan masyarakat, tidak kira dia siapa dan tidak payah saya masuk ke dalam tajuk isu seperti hukum hudud dan sebagainya di sini, sebab ini ada Kementerian yang lebih mahir untuk membincangkannya.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah juga membangkitkan mengenai kebimbangan penyalahgunaan senjata api oleh ahli-ahli RELA. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian senjata api kepada semua ahli RELA dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan ianya tidak disalahgunakan. Kalau sekiranya ada apa-apa bukti atau maklumat mengenai penyalahgunaan, pihak Kementerian Dalam Negeri akan terus bertindak untuk mengambil balik senjata api dan mengenakan hukuman mengikut undang-undang.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Ada dua. Yang pertamanya mengenai agama, tetapi yang saya hendak sebut ini berkenaan ceramah-ceramah yang dibuat oleh pihak Pembangkang

secara terbuka. Saya ingat tidak ada ceramah yang dibuat oleh Barisan Nasional walaupun terbuka ataupun tertutup untuk mengkritik mana-mana pemimpin – tidak pernah. Saya hadir di seluruh Malaysia tetapi bagaimana polis mengeluarkan permit sebab cara ucapan yang dibuat itu boleh memecah-belahkan rakyat. Macam Mohamad Sabu pernah buat, dia tidak pernah bantai sayalah di kawasan saya, tetapi kawan dia dibelakang, pergi sebelah rumah saya, maki saya. Bila dia balik ke Kelantan, akhirnya kampung saya berpecah-belah, bergaduh sampai sekarang sebab pengikut-pengikut saya yang setia menyerang pengikut-pengikut PAS, jadi bergaduh. Jadi, bagaimana mereka dapat permit untuk berkempen? Ini bukan sekali, sampai sekarang berterusan. Malah, boleh dikatakan tiap-tiap minggu ada kempen untuk maki pemimpin. Tetapi Barisan Nasional tidak pernah minta permit dan kita pun tidak pernah maki orang sebab kita ada “more Islamic”. (*Ketawa*)

Yang kedua, mereka yang dapat senjata dari RELA sepatutnya mengadakan rondaan. Setakat yang saya tahu, semua mereka yang mendapat senjata RELA, kalau tidak silap saya, satu senjata diberi kepada empat nama, sekarang ini mereka bertukar tangan untuk menembak burung. Di kawasan MADA sekarang ini, burung Ayam-ayam banyak, jadi Mergastua pun tidak sempat kawal sebab burung datang berjuta-juta ekor dari Thailand, mungkin burung mencari makan. Jadi, terlampau banyak dan RELA sekarang ini mengambil kesempatan untuk tembak burung dan disebelah malam pula ramai orang mencuri di kampung. Jadi, apakah sesuatu boleh dibuat supaya RELA itu sebenarnya berfungsi sebagai RELA?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, pihak polis tidak akan mengeluarkan permit kepada mereka yang cuba mengadakan perhimpunan raksasa secara terbuka, tidak tertutup dan bukan dalam dewan. Kalau

sekiranya tujuannya adalah untuk memecah-belahkan rakyat, memang polis tidak akan meluluskannya, tetapi kadangkala ada juga pihak-pihak terutamanya mereka dari Pembangkang, dia buat juga ceramah.

Saya hendak mengingatkan kepada mereka yang terlibat ini supaya jangan sampai satu hari nanti, bila polis bertindak mengikut undang-undang, dia pula kata Kerajaan tidak adil, menekan dan sebagainya, padahal parti-parti Barisan Nasional selalu mengikut undang-undang. Kalau mereka tidak mengikut undang-undang, kemudian bila penguatkuasaan dijalankan secara adil, dia kata tidak adil, itu sudah jadi satu politik yang bukan 'gentlemen' sangatlah. Itulah yang dapat saya komen mengenai apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat dari Arau.

Mengenai senjata RELA ini, sebenarnya RELA mempunyai peranan ataupun tugas-tugas yang pelbagai. Yang paling penting ialah membantu dalam aspek keselamatan dan juga ketenteraman. Salah satu tugas ialah membantu terutamanya petani-petani di luar bandar untuk mengatasi masalah musuh tanaman. Itu memang satu daripada tugasnya. Kalau dalam masa dia menjalankan tugas membantu petani untuk mengatasi masalah musuh tanaman, maka mereka bukan menggunakan kuasa secara salah. Tetapi sekiranya mereka menggunakan senjata api untuk buruan diri sendiri, tidak ada kaitan langsung tentang melindungi ataupun membuat sesuatu untuk membantu kaum petani, maka itu adalah salah guna kuasa dan sekiranya ada maklumat terhadap itu, pihak orang ramai sepatutnya melaporkan kepada Pegawai RELA yang berkenaan di daerah itu ataupun kepada pihak polis atau pun RELA di peringkat negeri dan Kementerian Dalam Negeri melalui Ibu Pejabat RELA akan mengambil tindakan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh anggota polis terutamanya di kawasan sempadan di dalam kawasan Parlimennya di mana pondok-pondok polis dan juga Kem Pasukan Polis Hutan dan sebagainya dalam keadaan yang kurang selesa ataupun tidak ada pondok polis di beberapa tempat. Semua cadangan itu Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian dan akan kita mengambil tindakan sewajarnya. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak enam buah Balai Polis telah diluluskan melibatkan RM8.4 juta di beberapa kawasan di Sarawak itu dan untuk beberapa tempat yang dibangkitkan itu pihak Kementerian Dalam Negeri akan kaji dari segi kemampuan kewangan dan kalau dalam Rancangan Malaysia Keenam ini sekiranya tidak sempat, kita akan cuba usahakan pada masa yang akan datang.

Begitu juga untuk kerosakan Kem Pasukan Polis Hutan di Batu Kawah. Sebenarnya Kerajaan mempunyai peruntukan penyelenggaraan dan pengubahsuaian tiap-tiap tahun. Mungkin kita boleh mengambil tindakan dengan menimbang dari segi peruntukan yang sedia ada itu.

Tuan Pengerusi, mengenai sempadan antara Sarawak dengan Brunei yang dikatakan telah menimbulkan masalah kerana kurang jelas, maka penduduk di sempadan itu ada di antara mereka sudah macam duduk atas sempadan – serbasalah. Tidak tahu Bruneikah atau Sarawakkah. Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian yang serius tentang perkara itu dan Kerajaan akan cuba mengambil tindakan melalui saluran yang sesuai, kalau benar-benar ada satu masalah telah timbul di situ.

Mengenai seorang dari Sarawak yang telah berada di luar negeri yang telah memburuk-burukkan nama negara kita, sebenarnya saya pernah menjawab perkara yang sama di dalam Dewan ini, sesiapa rakyat Malaysia kalau dia pergi ke negara lain secara sah, dia pegang pasport yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jika berada di luar negeri adalah menjadi kewajipannya untuk menjaga nama baik dan imej negara kita. Kalau mereka sudah melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan nama baik negara kita, maka Kerajaan melalui Jabatan Imigresen boleh menahankan pasportnya dan kita boleh tarik balik pasportnya untuk siasatan. Kalau terbukti seseorang itu sudah begitu tidak mencintai negaranya sendiri, maka saya rasa rakyat itu tidak wajarlah diberi pasport Malaysia.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, mana satu hendak beri jalan?

Tuan Ong Ka Ting: Alor Setar!

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, mengenai pasport yang baru disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada banyak kes-kes pasport yang telah hilang akibat kemungkinan kebakaran ataupun rompakan. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat, kalau kes-kes ini adalah genuine cases, dengan izin, sebab apa pada lazimnya, selepas satu tahun atau dua tahun baru dapat pasport baru tetapi tempoh masanya, had lakunya adalah hanya setahun dan bukan lima tahun. Bagi kes-kes orang-orang yang tidak cintai negara, itu soal lain. Apa saya bangkitkan di sini ialah bagi kes "genuine". Sila beritahu penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, apa yang saya cuba terangkan tadi iaitu untuk mereka yang tidak jaga nama baik Kerajaan kita, maka dia tidak sepatutnya menggunakan pasport negara kita, yang pasport itu adalah satu dokumen penting. Ia ada "dignity"nya. Dia sudah pegang pasport kita untuk masuk ke negara orang lain dan negara luar pula izinkan dia masuk sebab dia ada pasport Malaysia. Sebab adanya nama "Malaysia" di situ, baru dia dibenarkan masuk. Apabila dia masuk, dia sudah cuba hendak memburuk-burukkan negara kita maka adalah wajar pasport itu kita ambil balik dan ini adalah satu cara yang

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: nanti saya belum jawab Alor Setar.

Tuan Pengerusi: Belum dijawab Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting : Alor Setar nampaknya sudah ambil kesempatan untuk kaitkan pasport ini. Pasport yang hilang itu sebenarnya Kerajaan terutamanya baru-baru ini Ibu Pejabat Jabatan Imigresen sudah ada satu peraturan yang sangat jelas untuk menguruskan pasport-pasport yang hilang; di mana Jabatan Imigresen sudah mengkategorikan cara-cara pasport itu hilang kepada tiga kumpulan iaitu sama ada ia hilang dengan cuai atau lalai ataupun yang kedua ia hilang dengan secara disengajakan seperti dia jual, dia depositkan dengan orang lain dan sebagainya; ataupun yang ketiga, secara tidak sengaja – macam malapetaka, kebakaran, rompakan, kecurian yang tidak boleh dielakkan.

Jadi kita akan ikut ketiga-tiga kategori itu. Kalau sekiranya kehilangan itu "genuine", bukan atas kecuai atau pun sengaja, maka Jabatan Imigresen mulai

sekarang akan mempertimbangkan untuk memberi pasport gantian, sekiranya kehilangan itu adalah "genuine", bukan atas kecuaiian, kelalaian – dia boleh dapat gantian, macam asal. Tetapi perlu disahkan terlebih dahulu oleh satu Jawatankuasa atau Panel yang ditubuhkan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen supaya tidak ada orang cuba hendak salahguna. Nanti semua datang, kata dia hilang sebab dia tidak sengaja. Jabatan Imigresen ada cara-cara untuk menentukannya.

Peraturan ini terpaksa dikenakan sebab dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, sampai ke hari ini dari tahun 1990 sampai hari ini, sebanyak lebih daripada 12,000 naskhah pasport dilaporkan hilang. Kalau Kerajaan senang-senang beri sahaja kepada siapa yang pasportnya hilang, maka dengan sendirinya pasport itu sudah tidak ada nilai. Yang kedua, akan masuk ke dalam tangan mereka yang akan menyalahgunakannya terutamanya sindiket-sindiket yang akan menggunakan pasport untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang mungkin boleh mengancam keselamatan negara kita. Sebab itu adalah motif sebenarnya.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Nanti sekejap.

Tuan Chor Chee Heung: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang bangun dulu, Sarawak. Kuching dulu tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: Bandar Kuching, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bandar Kuching. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seorang ahli NGO dari Belaga, Sarawak – namanya Jara Galong. Semasa dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Bangkok untuk menghadiri perbincangan dalam suatu mesyuarat antarabangsa, kebetulan dia seorang indigenous person, pasportnya ditahan. Maka soalan saya ialah, di bawah mana satukah peraturan ataupun undang-undang ataupun di bawah perkara berapa dalam Perlembagaan Persekutuan, boleh pihak Kerajaan menentukan sama ada seorang itu "cintakan negara ataupun tidak cintakan negara", sebelum menahan pasportnya.

Tuan Pengerusi, apakah hak istimewa untuk seseorang warganegara supaya dapat pasport. Itu soalan saya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, apabila seseorang yang hendak keluar negeri, kalau pasportnya diambil oleh Jabatan Imigresen untuk disiasat, bukan bermakna kita telah mengambil satu 'conclusion' yang mengatakan dia bersalah. Pihak Jabatan Imigresen berhak, buat sementara, untuk mengambil pasport seseorang itu untuk disiasat kerana namanya sudah masuk ke dalam komputer yang dikatakan 'disyaki' oleh sebab dia telah melakukan sesuatu. Tetapi orang itu berhak membela diri apabila pihak Jabatan Imigresen memanggil dia untuk temuduga dan sekiranya dia boleh membuktikan bahawa apa yang disyaki itu tidak berasas dan tiada ada apa-apa elemen untuk menghalang dia daripada keluar negeri, maka Jabatan Imigresen boleh memulangkan pasport itu kepada dia.

Kalau sekiranya seseorang itu kurang puas hati dengan apa yang diterangkan oleh Jabatan Imigresen, dia masih boleh merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri akan siasat melalui

panel yang betul-betul mengambil berat sama ada seseorang itu telah melakukan sesuatu. Kadangkala bukan kerana seseorang itu tidak cinta negara sahaja, dia mungkin sudah masuk dalam senarai bankrapsi ataupun dia tidak bayar 'income tax' ataupun dia melakukan sesuatu yang lain. Itu semua boleh jadi sebab-musabab mengapa pasportnya diambil.

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Alor Setar dulu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang saya bersetujulah mengenai kehilangan pasport, dan kalau pemegang pasport hendak membuat permohonan untuk dapat pasport gantian, pihak Kerajaan berhak mengambil sedikit masa untuk membuat pengesahan. Tetapi saya ingin tahu agak berapa lama tempoh masa pengesahan ini, sebab seolah-olahnya dapat juga aduan yang mengatakan dalam kes permohonan pasport gantian, pemohon terpaksa tunggu sampai setahun atau dua tahun. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebelum saya jawab soalan itu, saya belum habis menjawab berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching iaitu hak pasport itu. Itu sudah dijelaskan bahawa hak pasport adalah hakmilik Kerajaan – ini sudah jelas. Jadi, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sudah turunkan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sudah turunkan kuasa kepada Jabatan Imigresen untuk mengeluarkan pasport. Kuasa itu adalah kuasa Kerajaan

sama ada hendak beri, tidak beri atau pun tarik balik, tetapi Kerajaan tidak akan buat sewenang-wenangnya. Kerajaan selalu bertindak ke atas kepentingan rakyat kalau rakyat tidak melanggar undang-undang.

Mengenai pasport yang hilang dan kesukaran atau kelambatan untuk mendapat pasport gantian, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, pada masa ini Jabatan Imigresen sudah ada peraturan yang kemas ini, pada masa ini, dan saya sudah pun terangkan tiga kategori. Jabatan Imigresen juga sudah ada mempunyai satu panel untuk menguruskan gantian pasport itu dengan cepat. Apa yang penting untuk mereka yang menghilangkan pasportnya itu, yang pertamanya, dia mesti buat laporan polis. Yang kedua, dia mesti pergi ke Jabatan Imigresen untuk mengisikan borang laporan kehilangan pasport dan sertakan semua bukti-bukti dan alasan ataupun apa sebabnya dia hendak pasport baru. Kalau semua butir di permohonan itu teratur, maka Jabatan Imigresen akan timbangkan kesnya. Saya rasa semua ini boleh ditimbang dalam masa sebulan kalau semua butir teratur.

Kalau berbanding dengan dahulu, mungkin ianya memakan sedikit masa, sebab masa itu masih dalam proses menganalisisakan masalah ini. Masa itu terdapat peraturan yang tidak cukup jelas seperti hari ini. Hari ini sudah cukup jelas. Saya harap, orang awam boleh ambil tahu perkara ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, dulu semasa saya duduk di dalam Kem Kemunting, saya ditahan bersama dengan

Pegawai-pegawai Pasport yang ditahan di bawah ISA. Soalnya saya bertanya mereka, "Kenapakah kamu tahan di bawah ISA, sedangkan kamu melakukan kesalahan jenayah?". Katanya, "Kami membuat kesalahan jenayah kerana kami mengeluarkan pasport, ada yang kami buat untuk "wang" kami sendiri. Ada yang disuruh oleh orang atas". Oleh itu, katanya "yang disuruh oleh orang atas, kalau dibicarakan kami, maka akan terbongkar rahsia lebih banyak, iaitu sindiket pasport". Jadi, saya ingin tahu daripada Kementerian Dalam Negeri, apa ini "yang disuruh oleh orang atas" dan apa lagi satu "untuk wang" yang mereka sendiri lakukan? Ini pengakuan Pegawai-pegawai Kanan yang duduk dengan saya, yang bercakap seperti ini. Jadi, kita mohon penjelasan perkara ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, seseorang yang kena tahan, dia mesti sudah melakukan sesuatu kesalahan, iaitu tanggungjawab yang diamanahkan kepada dia itu pun sudah pecah amanah. Apa lagi perkataan dia, kita boleh pegang. Bila dia masuk ke kem ataupun penjarakah atau mana-mana, tentu dia akan cuba melibatkan semua orang. Elok juga dia cakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, tidak boleh kita ambil perkataan daripada mereka yang sendiri sudah salah. Kalau benar-benar dia salah, dia berilah semua bukti kepada pihak polis. Saya yakin pihak polis itu akan siasat. Kita punya rekod, dalam sejarah negara ini, tidak kira sama ada apakah kedudukannya dalam Kerajaan, sama ada dia Ketua Pengarah atau Ketua Setiausaha. Kalau salah, polis akan bertindak ikut undang-undang. Tetapi kalau tidak, jangan kita buat tohmahan yang tidak berasas.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa hal-hal pasport itu sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong bangun. Tidak beri jalankah?

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah. Hal pasport ini sudah cukup. Saya ingin masuk ke dalam hal-hal lain.

Yang Berhormat dari Nilam Puri juga mengatakan tentang kes Batang Kali, sudah lama, ia buka semula untuk disiasat. Sebenarnya, kes Batang Kali ini bukan satu kes dibuka semula. Laporan Polis baru dibuat selepas begitu sekian lama. Kes Memali pula, siasatannya belum tutup. Jadi, ia berbeza. Tidak boleh kita kata, kes itu yang sudah lama boleh dibuka semua, mengapa ini tidak boleh buka. Tidak ada soal membuka semula sebab kes Memali ini masih dalam siasatan polis, belum tutup lagi. Kita tidak boleh buat satu perbandingan 'direct' macam itu. Saya boleh memberi jaminan sekali gus iaitu dari segi tugas polis, semua orang yang terlibat adalah dalam siasatan, tidak kira apa-apa kes. Kes bunuhkah atau apa kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi, di manakah seorang polis tidak mahu berkaskan pembunuh. Lagipun pembunuh itu adalah seorang pembunuh Ketua Polis Negara. Takkan Polis sengajakan. Jadi, di sini, inilah yang kita kena tengok baik-baik bagaimana keadaan sistem perundangan negara kita.

Negara kita mengikut satu sistem perundangan yang begitu adil. Sebelum kita menahan seseorang itu, kita mesti siasat. Kalau belum dapat apa bukti, saksi pun tidak ada, apa pun tidak ada, macam mana kita boleh bertindak dengan tujuan kita boleh tutup kes itu, tangkap sahaja orang itu. Tidak boleh. Kalau memang bukti tidak cukup, saksi tidak ada, apa-apa pun tidak ada, jadi kita terpaksa tangguh sampai satu hari mungkin kita akan dapat menyelesaikan kes pembunuhan itu. Dan Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Okaylah. Last one. Tidak ada masa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apa. Tuan Pengerusi kena beri masa, sebab ramai kami hendak bercakap di sini tetapi tak dapat.

Tuan Pengerusi: Ya, minta tambah masa, sebulan lagikah? (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Cadangan saya, memang saya hendak minta ditambah masa. Bersetuju. (*Ketawa*) Sebulan. Boleh, Tuan Pengerusi, saya bersetuju. Saya memang duduk dalam "batak" di Parlimen, bukan pergi ke mana.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menimbulkan bahawa polis di Malaysia ini, adalah di antara polis yang terbaik di dunia. Semua, kita bersetuju. Tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat, sebab ini merupakan satu masalah yang ditimbulkan oleh polis di peringkat bawah. Yang pertamanya, kenapa di bawah SSB, gaji pegawai polis di peringkat rendah berlainan dengan gaji kakitangan polis di peringkat rendah dan dengan kakitangan tentera. Ada perbezaan yang amat jelas. Sebab dari segi keselamatan, kita tahu masing-masing lawan berkata bahawa mereka lebih penting dari segi keselamatan. Polis kata dia terdedah kepada bahaya, orang selalu tembak. Askar kata dia masuk ke hutan, kena tembak. Jadi, kena hantar ke luar negara, kena tembak. Jadi, soal itu pertikaian yang tidak habis. Saya ingat tidak patut dijadikan polemik. Cuma saya ingin bertanya kenapa ada perbezaan.

Yang keduanya, kenapa juga ada perbezaan dari segi elaun sewa rumah di antara kakitangan di peringkat rendah, di antara polis dan juga tentera? Polis dibayar RM85.00 sejak tahun 1987 hingga sekarang. Jadi, saya ingat sejak tahun 1987 hingga sekarang, semua pegawai kerajaan telah pun dinaikkan apa-apa elaun yang patut. Tetapi elaun mereka begitulah daripada dahulu sampai sekarang.

Kemudian yang ketiganya, saya hendak tanya Yang Berhormat, kenapa Pegawai Polis yang bekerja di peringkat Special Branch, mereka dulu dibayar elaun pakaian RM10 tetapi sekarang tidak dibayar lagi.

Akhir sekali, sebab ini rasmi, sudah pastilah ada kawan-kawan minta suruh tanya, saya kena tanyalah, sebab saya amat bersimpati dengan masalah mereka. Kemudian akhir sekali, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, ini pasal perkara-perkara yang ditimbulkan oleh setengah pemimpin iaitu yang mereka sendiri mengatur kerja polis. Kalau kes ini selesai, mereka puji polis. Kalau sekiranya kes ini tidak selesai, yang mereka rasa ada berkaitan dengan mereka, mereka bantai polis.

Jadi, sejauh manakah tekanan daripada orang awam ini mendatangkan kesan kepada prestasi polis? Sebab, saya bimbang kalau polis kadang-kadang mungkin takut dengan tekanan awam terutamanya tekanan daripada orang politik. Jadi, kadang-kadang kes yang sepatutnya diberi keutamaan terpaksa ditinggalkan tetapi kes yang mendapat tekanan ini diberi keutamaan. Saya hendak tanya dari segi kerja polis ini, adakah orang awam termasuk pemimpin politik boleh campur tangan? Kalau tidak, adakah ianya mendatangkan apa-apa kesan kepada polis? Walaupun Yang Berhormat mengatakan tidak ada kesan, tetapi kita dengar cerita ada polis juga kadang-kadang merungut.

Contohnya, macam kes sistem berkomputer traffic lights di bandaraya. Saya dengar cerita, betul atau tidak betul, tidak tahulah. Sebab, Ketua Polis dengan Datuk Bandar tidak berpuas hati, dia tarik balik polis, kita yang menanggung trafik jam. Jadi, kalau hendak kata tekanan orang awam tidak ada kesan kepada polis, tidak betul – ada! Tetapi saya hendak bertanya sejauh manakah ianya boleh menjejaskan prestasi dan kerja polis. Apakah boleh orang awam mencampur tangan di dalam kerja polis?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, mengenai soal mengapa ada perbezaan di antara tentera dengan polis dan mengapa elaun sewa rumah semua berlainan, walaupun saya boleh menerangkan sedikit-sebanyak tetapi ini memang bukan dalam bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Ini adalah di bawah JPM. Adalah tidak wajar kalau saya cuba hendak memberi jawapan. Di harap Yang Berhormat mungkin boleh membangkitkan dalam masa yang lain kepada Kementerian yang bertanggungjawab.

Tetapi satu perkara yang saya hendak terangkan di sini, walau macam mana pun kita cuba hendak menaikkan elaun sewa rumah, ia masih tidak mencukupi, tidak kira sama ada polis, tentera atau kakitangan awam. Sebab, sewa rumah ini kena tengok kepada keadaan di mana. Kalau di Kuala Lumpur, beri RM500 pun tak cukup. Kalau pergi ke Arau, mungkin RM85, okay. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, sebab sebut Arau, saya bersetuju, tepat sekali. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya tidak bezakan tentang Kuala Lumpur ini dan saya bersetuju tidak cukup RM85. Saya cuma mempersoalkan kenapa pangkat yang rendah seperti private di antara tentera dengan polis ada perbezaan dari segi elaun

rumah. Itu sahaja. Lain-lain saya ingat di Arau memang betul. Di Arau, duduk free pun boleh, di rumah saya boleh duduk free. *(Ketawa)*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya sudah katakan tadi, biarlah penjelasan itu disampaikan oleh Kementerian yang berkenaan. Tetapi apa yang Kerajaan sedang buat ialah kita cuba hendak mengatasi masalah kekurangan rumah untuk polis, bukan dengan cara membayar sewa yang tinggi, tetapi dengan cara membekalkan tempat kediaman. Sama ada dengan cara kita membeli rumah yang siap-sedia ataupun kita mendirikan rumah untuk polis. Itu adalah satu cara jangka panjang yang sedang diusahakan dengan begitu serius oleh pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri. Untuk itu, keutamaannya diberi kepada orang yang bergaji lebih rendah. Polis yang berpangkat lebih rendah itu masalah perumahannya itu lebih serius. Jadi, Kerajaan sentiasa mengambil berat kategori ini dulu. Dalam hal ini, kita tidak beri kepada orang yang berjawatan tinggi dulu. Yang bergaji rendah itu, kita cuba selesaikan masalah rumah mereka dulu. Ini adalah sikap Kerajaan pada masa ini.

Mengenai tekanan daripada orang awam ataupun dari pihak-pihak yang mana kalau kita hendak kata 100% anggota polis, dalam 80,000 lebih anggota polis tiap-tiap seorang itu sempurna, kalau saya cakap macam itu, itu tidak benar. Seperti juga dalam mana-mana satu persatuan atau parti, dia tidak sempurna. Mesti ada sedikit kelemahan di sana-sini. Kalau skiranya terdapat apa-apa dari segi pelaksanaan itu kurang memuaskan, kita sentiasa boleh memberikan maklumat dan selalunya pihak atasan atau Kementerian boleh mengkaji dan menyiasat, apa yang sebenarnya telah timbul dan kita cuba membetulkan. Itu yang penting.

Mengenai hal trafik di Kuala Lumpur ini, sebenarnya saya rasa polis trafik di Kuala Lumpur sudah siang malam, hujan dan panas, bekerja banyak. Tetapi kalau sekiranya orang awam tidak appreciate, tidak tahu peranannya itu, tentu dia ada dia punya sentimen itu. Apa yang penting bukan apa yang sudah terjadi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Pengerusi, penjelasan. Masalah sekarang bukan polis yang orang awam perkatakan. Masalah sekarang tidak ada polis di tempat-tempat yang "bottleneck" itu. Adakah polis masih lagi marajuk selepas berkelahi dengan DBKL dulu? *(Ketawa)*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada masalah yang serius ataupun berkelahi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sepatutnya di semua tempat-tempat yang menghadapi masalah trafik itu, mesti ditempatkan dengan polis trafik. Kalau sekiranya pada masa "peak hours" semua tempat itu kita expect ada polis, kalau ada satu-dua tempat itu tidak ada polis trafik, mungkin ini disebabkan kekurangan kakitangan. Tetapi masalah ini pun semakin di atasi oleh Kerajaan dengan kita menyusun semula kekuatan polis trafik di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tetapi Yang Berhormat, ada lagi satu dimensi baru. Walaupun ada tempat di mana apabila polis tidak ada, berlaku trafik jam. Tetapi ada juga tempat, apabila ada polis, lagi mudah berlaku trafik jam – ada berlaku. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat, sama ada betul atau tidak. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak betul, tak betul. Saya tidak bersetuju. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Yang Berhormat, kita tidak ada masa ini. Kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat beri masa kepada Speaker hendak tambahkan sampai bulan Januari kita bermesyuarat, bolehkah? *(Ketawa)* Jadi, kalau tidak boleh beri panjangkan masa itu, saya terpaksa meminta penjelasan-penjelasan ini diberhentikan. Ya, okay.

Tuan Ong Ka Ting: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya sudah bersetuju terutama dengan Yang Berhormat dari Nilam Puri. Saya dengar dia punya hujah-hujah dari awal sampai hujung, dia bercanggah dengan diri. Mula-mula dia kata polis kita baik, terkenal. Lepas itu dia kata polis adakah tutup dalam kes Vijandran – jadi itu percanggahan (self-contradictory). *(Tepuk)* Tetapi kalau sudah "self-contradictory", saya rasa tidak payah saya bersusah payah menjawab. Maknanya, jawapan itu tidak "valid". *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Saya tidak benarkan, Yang Berhormat. Saya sudah tidak benarkan penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah. Ini hal-hal polis, cukuplah.

Tuan Pengerusi: Ya, kita tertinggal dua hari ini. *(Disampuk)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tetapi dia sudah tutup, boleh buka lagi?

Tuan Ong Ka Ting: Kita boleh bincang selepas ini. *(Ketawa)* Ya, saya hendak masuk dalam isu yang ditunggu-tunggu oleh, saya rasa, satu-dua Ahli Yang

Berhormat iaitu mereka sudah berhujah dengan hebat, mengatakan Akta Keselamatan Dalam Negeri sama ada ini adil, atau sama ada ia perlu.

Tadi Yang Berhormat dari Batang Lupa sudah ada menjelaskan sedikit. Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini, bahawa Kerajaan pada masa kini, kita mungkin jawapan yang telah disampaikan kepada Yang Berhormat dari Jelutong itu masih kita kekalkan. Kita mungkin mengkaji semula cara Akta Keselamatan Dalam Negeri. Maknanya, kita sudah ada satu pandangan bahawa kita akan mengkaji pada masa yang sesuai tentang bagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri ini sama ada ia masih kekal macam ini atau pun ia diubahsuai atau macam mana. Tetapi soal dimansuhkan itu tidak timbul. Soal Akta ini dimansuhkan, itu tidak timbul. Kalau sekiranya kita hendak bahaskan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini dari segi hak asasi manusia, saya rasa saya pun boleh bahaskan dari segi hak asasi manusia. Kalau seseorang individu diberikan sepenuh kebebasan kepadanya, dia boleh berbuat sesuka hati, dia boleh mengumpulkan harta-benda atau kekayaan, dengan izin, at the expense of the public, sehingga dia melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan ketenteraman!

Jadi untuk kepentingan, ketenterman, kebebasan, keselamatan, keharmonian masyarakat umum, Kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan atau mencegah seseorang itu daripada menggunakan dia punya 'so-called', dengan izin, hak asasi manusia untuk memberi sesuatu sekatan kepada orang di sekelilingnya, itu sudah bercanggah dengan prinsip hak asasi. Jadi kita kena timbang supaya seimbang, mana yang lebih penting – sama ada satu-dua orang atau 30 orang lebih penting ataupun 18 juta orang penduduk negara kita ini yang lebih penting. Selama ini sejak

pemerintahan Parti Perikatan hingga ke Barisan Nasional pada hari ini, negara kita semakin maju, semakin aman. Kita tidak pergi ke belakang, tetapi kita maju ke hadapan, bermakna undang-undang yang sedia ada ini betul. Bermakna undang-undang yang kita amalkan ini sudah betul, sudah menjaga keselamatan sampai ekonomi boleh berjalan, sampai rakyat sudah merasa selamat bercampur-gaul dan selamat untuk melakukan apa yang mereka hendak lakukan mengikut undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, Akta Keselamatan dalam Negeri masih perlu dikekalkan untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan mana-mana individu.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyetujui dari segi angka. Saya tidak setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas. Dia mengatakan kononnya sudah 20,000 orang lebih ditahan di bawah ISA. Tidak ada angka yang begitu ramai. Sejak dahulu kalau dikumpulkan pun tidak begitu ramai, tetapi hari ini Yang Berhormat dari Jelutong sendiri sudah memberi angka-angka yang dia tahu.

Kalau kita bandingkan dari tahun 1990 hingga Jun tahun ini, angka tersebut sudah turun jadi 61 orang, dan pada hari ini angka ini turun lagi kepada 52 orang. Sekarang ini ada 52 orang yang masih dalam tahanan ISA dan di antara 52 orang ini ada 14 orang bekas penganas komunis. Dan ada seramai 30 orang lebih yang terlibat dalam sindiket memalsukan dokumen. Mereka sudah memalsukan dokumen keselamatan, sama ada passport, kad pengenalan ataupun dokumen-dokumen keselamatan yang lain. Jadi, Kerajaan fikir dokumen-dokumen ini kalau dipalsukan begitu, ia akan menjejaskan keselamatan dan juga ekonomi negara kita. Dengan sebab itulah mereka di tahan di bawah ISA dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan jarang menggunakan kuasa untuk menahankan sesiapa

dalam ISA, kecuali mereka yang sudah melakukan sesuatu kesalahan dan sudah ada bukti yang jelas serta Kerajaan sudah berpuas hati. Tetapi kalau hendak dakwa seseorang adalah susah. Kerana ada ramai saksi-saksi itu mereka kata, "kami boleh bersumpah, kami boleh beri bukti, kalau hendak kami pergi ke mahkamah, nanti kami kena bunuh". Pada masa itu Kerajaan kenalah secara berhati-hati dan secara, dengan izin, very carefully assess keadaan. Kalau benar-benar keselamatan itu terancam, terpaksa kita menggunakan ISA.

Secara ringkasnya, ISA itu tidak akan dimansuhkan, tetapi Kerajaan sedang menimbang untuk mengkaji semula dari segi bentuknya. Kerajaan tidak menggunakan ISA dengan sewenang-wenangnya, juga tidak digunakan untuk kepentingan politik. Kalau kita lihat dari jumlah 52 orang yang sedia ada ini, tidak ada seorang pun di atas sebab dia menentang dari segi politik, hanya seorang yang tinggal di Sabah itu kita sudah ada mengumpulkan bukti-bukti, bahawa beliau cuba membawa Sabah keluar daripada Malaysia. Kalau itu bukan ancaman keselamatan, itu ancaman apa? Kita tidak boleh kata, itu adalah sebab politik, tetapi itu pun kita tidak akan tahan mereka ini selama-lamanya. Kebanyakan daripada mereka itu telah dilepaskan, cuma tinggal seorang sahaja, itupun kita sedang kaji (studying stage), tengok bila dia boleh dipastikan untuk dilepaskan apabila dia tidak memudaratkan lagi keselamatan.

Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya tujuan ketiga-tiga undang-undang sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Dadah Berbahaya ataupun Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu), semua itu adalah untuk kepentingan negara. Dengan undang-undang itulah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negara kita Malaysia ini semakin maju dan ekonomi

semakin membangun dengan pesat. Itulah salah satu faktor yang menjayakan negara kita.

Tuan Pengerusi, mengenai akhbar *Rocket* dan *Harakah* itu saya telah banyak kali membincangkannya di sini. Mana ada kita nampak akhbar Barisan Nasional sama ada UMNOkah, MCAkah boleh dijual, diedar kepada orang luar? Kerajaan dan parti pemerintah sendiri mengenakan syarat yang sama. Jadi, mengapa pula akhbar *Harakah* dan *Rocket* itu istimewa sangat? Dia boleh lebih istimewa daripada parti pemerintah, dan selama ini negara kita sudah ada banyak akhbar-akhbar. Kepada semua akhbar-akhbar komersial atau akhbar-akhbar untuk orang awam itu sudah banyak permit dikeluarkan. Jadi mengapa dia hendak cakap, dia hendak menghentam Kerajaan atau hendak mengkritik cara politik dia, dia sudah banyak menggunakan akhbar-akhbar berkenaan.

Yang Berhormat dari Nilam Puri sendiri juga sudah kata, itu adalah 'nada parti', dia sudah tuju pada Yang Berhormat dari Arau, dia kata "mana boleh, tentulah itu untuk kepentingan ahli mereka". Oleh sebab 'nada parti' itu untuk kepentingan ahli politik parti yang berkenaan, maka wajarlah dia diedar secara dalaman untuk ahli-ahli sahaja. Mengapa hendak dijual? Bukan kata UMNO, MCA atau MIC jual dia punya 'nada parti' sedangkan mereka tidak dibenarkan? Itu kita boleh kata ada 'double standard', tetapi tidak ada – semua sama. Jadi, saya sekali lagi hendak jelaskan supaya janganlah membangkit-bangkitkan perkara ini lagi.

Ada satu perkara yang dibangkitkan oleh dua-tiga orang Ahli Yang Berhormat. Kalau Kerajaan benar-benar menggunakan kuasa sehingga pihak Pembangkang ini tidak ada demokrasi, tidak ada hak, saya rasa pada hari ini DAP atau PAS tidak

akan ada peluang langsung untuk berceramah, bercakap, mengkritik musuh mereka, sama ada UMNOkah, MCAkah sehingga banyak tohmahan-tohmahan yang liar, yang tidak berasas itu semua dikeluarkan. Dan dalam akhbar *Harakah* atau *Rocket* ada banyak artikel yang cuba menjatuhkan imej parti-parti Barisan Nasional itu masih boleh diedarkan.

Kalau Kerajaan benar-benar hendak menggunakan kuasa sehingga mereka tidak ada demokrasi, elok kita tidak payah langsung beri dia permit, tetapi sekarang masih diberi. Lagipun di masa mereka menerima permit itu, seperti kata *Rocket*, dia 'appeal', kita beri dia syarat-syarat dan dia terima syarat-syarat pada masa itu. Kalau sudah terima syarat-syarat itu, patuhlah dengan syarat-syarat itu, mengapa membuat bisung dalam Parlimen ini, sehingga orang lain tidak faham. Mereka fikir kita sahaja yang cuba hendak menyalahgunakan kuasa.

Mengenai Akta Mesin Cetak, itu adalah satu perkara seperti Akta-akta yang lain untuk menjaga ketenteraman. Kita tidak mahu masalah perkauman, masalah sensitif agama, masalah yang boleh menjadikan negara kita ini tidak selamat, pelabur tidak berani datang, yang sudah datang hendak lari ataupun orang di sini pun cuba hendak melabur di luar. Kalau sampai keadaan seperti itu, maknanya Kerajaan kita gagal. Tetapi sekarang Kerajaan kita percaya dengan adanya semua Akta-akta ini, kita jaga sampai ada confidence dan semua pembangunan ekonomi sampai selama 6 tahun berturut-turut peratusannya lebih dari 8%, itu bukan jatuh daripada mana-mana? Bukan duduk di sini oleh sebab Pembangkang kritik, semua pelabur datang? Itu semua adalah disebabkan oleh usaha Kerajaan merancang semua dasar dengan baik, mengadakan undang-undang yang sesuai dan kena pada tempatnya.

Inilah secara ringkasnya saya hendak menjelaskan pada hari ini. Bagi isu-isu yang lain, oleh sebab masa suntuk sangat, saya tidak dapat melanjutkan penerangan di sini, tetapi saya memberi jaminan bahawa semua perkara yang dibangkitkan, itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM107,933,700 untuk Maksud B. 35; RM1,421,145,900 untuk Maksud B. 36; RM81,176,000 untuk Maksud B. 37; RM3,769,700 untuk Maksud B. 38; RM64,473,500 untuk Maksud B. 39; RM136,495,800 untuk Maksud B. 40; dan RM4,011,000 untuk Maksud B. 41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM107,933,700 untuk Maksud B. 35; RM1,421,145,900 untuk Maksud B. 36; RM81,176,000 untuk Maksud B. 37; RM3,769,700 untuk Maksud B. 38; RM64,473,500 untuk Maksud B. 39; RM136,495,800 untuk Maksud B. 40; dan RM4,011,000 untuk Maksud B. 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM53,620,100 untuk Maksud P. 35; RM296,692,500 untuk Maksud P. 36; RM14,475,000 untuk Maksud P. 37; RM5,500,020 untuk Maksud P. 39; RM73,860,000 untuk Maksud P. 40 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM53,620,100 untuk
Maksud P. 35; RM296,692,500 untuk
Maksud P. 36; RM14,475,000 untuk
Maksud P. 37; RM5,500,020 untuk
Maksud P. 39; RM73,860,000 untuk
Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian
daripada Anggaran Pembangunan, 1994.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan
hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*